# TARGET PBD

## MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

EDISI GURU

TINGKATAN 4

KSSM

# BAHASA MELAYU



Melancarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Memantapkan Pentaksiran Formatif & Sumatif

Menyokong Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Mesra Digital

Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid







## PAKEJ PERCUMA UNTUK KEMUDAHAN GURU

### EDISI GURU

VERSI CETAK

**PEMERKASAAN PBD & SPM**

- Nota Ekspres
- Modul PBD
- Modul SPM
- Pentaksiran Akhir Tahun
- Jawapan

**PEMBELAJARAN DIGITAL**

- Pelbagai bahan sokongan pembelajaran dalam talian

### RESOS DIGITAL GURU

ePelangi+

Pelbagai bahan digital sokongan PdPc yang disediakan khas untuk guru di platform ePelangi+

EG-i + BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

# EDISI GURU (versi cetak)

## A Kandungan

Kandungan mengemukakan bahagian-bahagian buku berserta rujukan bahan-bahan digital sokongan dalam buku.



KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid

MODUL PBD

TEMA 1 Merealisasikan Impian 1
TEMA 2 Insan Terdidik, Negara Sejahtera 5
TEMA 3 Memetik Bintang 9
TEMA 4 Menjulang Harapan di Bumi Bertuah 11
TEMA 5 Memacu Produktiviti 15
TEMA 6 Dunia Pelancongan 18
TEMA 7 Demi Kedamaian 22
TEMA 8 Dalam Lipatan Kenangan 25
TEMA 9 Sayangi Malaysiaku 27
TEMA 10 Bahasa Bugar, Sastera Kekar 31
TEMA 11 Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa 34
TEMA 12 Asli dan Kontemporari 36
TEMA 13 Segalanya Bermula di Sini 38
TEMA 14 Sihat dan Bersih Pilihanku 42
TEMA 15 Angin Perubahan Membadai 45
TEMA 16 Dipimpin untuk Memimpin 48
Jom Ulang Kaji 51


iii

## B Rekod Pentaksiran Murid

Jadual untuk catatan prestasi Tahap Penguasaan murid.



REKOD PENTAKSIRAN MURID

BAHASA MELAYU Tingkatan 4

Nama: .................................... Tingkatan: ....................

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 MEREALISASIKAN IMPIAN | Mendengar dan Bertutur | 1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul. | 1 | |
| | Membaca | 2.1.1 Membaca teks syarahan dan pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar. | 2 | |
| | Menulis | 3.5.1 Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. | 3 | |
| | Aspek Seni Bahasa | 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya. | 4 | |
| 2 INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA | Mendengar dan Bertutur | 1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul.<br>1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul. | 5 | |
| | Membaca | 2.2.1 Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer. | 6 | |
| | Menulis | 3.2.1 Menulis untuk meramal sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton dengan memberikan justifikasi menggunakan ayat yang gramatis. | 7 | |
| | Aspek Tatabahasa | 5.1.2 Mengenal pasti dan menggunakan pelbagai kata terbitan dengan betul mengikut konteks. | 8 | |
| 3 MEMETIK BINTANG | Membaca | 2.3.1 Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat. | 9 | |
| | Aspek Seni Bahasa | 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi puisi moden dan puisi tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya. | 10 | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

v

## C Nota Ekspres

Nota yang ringkas dan mudah diikuti oleh murid serta mencakupi tema tertentu dan setiap bahagian Praktis SPM.



PRAKTIS SPM 1

PENULISAN

Karangan Respons Terhad

NOTA EKSPRES

NOTA VISUAL Tip Menjawab Soalan

KERTAS 1103/1 Bahagian A

- Wajib menjawab satu soalan berdasarkan kepelbagaian bahan rangsangan yang diberikan
- Masa yang dicadangkan : 30 minit
- Panjang karangan antara 150 hingga 200 patah perkataan
- Markah : 30 markah

| Bahan Rangsangan | |
|---|---|
| Puisi | Poster |
| Petikan | Catatan |
| Gambar | Ilustrasi kartun |
| Gambar rajah | E-mel |
| Iklan | Jadual |

Tema/ Isu

- Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
- Bahasa dan Kesusasteraan
- Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan
- Integriti
- Jati Diri, Patriotisme, dan Kewarganegaraan
- Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika
- Kekeluargaan
- Kemasyarakatan
- Kerjaya
- Keselamatan
- Kesihatan dan Kebersihan
- Pelancongan
- Pendidikan
- Pengangkutan
- Pentadbiran dan Politik
- Perindustrian
- Pertanian, Penternakan, dan Perikanan
- Sejarah dan Warisan
- Sukan dan Rekreasi

Panduan Menjawab Soalan

1. Murid hendaklah membaca arahan soalan yang diberikan dengan telitinya. Kenal pasti tema atau isu yang dibincangkan daripada bahan-bahan rangsangan yang dikemukakan.
2. Kemudian, analisis bahan-bahan tersebut secara kritis dengan mengolah bahan rangsangan bagi mendapatkan isi-isi yang bersesuaian dengan tema soalan.
3. Rancang rangka karangan dan pastikan rangka karangan anda mengandungi pendahuluan, dua isi penting, dan penutup.
4. Jangan menyalin semua isi yang terdapat dalam bahan rangsangan. Analisis dan hasilkan olahan sendiri yang bersesuaian dengan maklumat penting yang hendak disampaikan dalam bahan berkenaan.
5. Untuk mendapatkan markah cemerlang, murid perlu menyentuh maklumat penting yang hendak disampaikan dalam kesemua bahan rangsangan yang diberikan.
6. Cadangan rangka dan jumlah perkataan bagi karangan bahan rangsangan adalah seperti yang berikut.

| Perenggan | Bahagian | Jumlah perkataan |
|---|---|---|
| Perenggan 1 | Pendahuluan | 40 |
| Perenggan 2 | Isi 1 | 50 – 60 |

| Perenggan | Bahagian | Jumlah perkataan |
|---|---|---|
| Perenggan 3 | Isi 2 | 50 – 60 |
| Perenggan 4 | Penutup | 40 |

7. Perenggan pendahuluan mengandungi isu yang disampaikan secara umum (dengan menganalisis bahan rangsangan).
8. Murid dicadangkan untuk mengolah isi dengan memberikan ayat topik, huraian, contoh, dan penegasan. Setiap perenggan perlu dibina dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang betul, dan mempunyai koheren bagi setiap isi yang hendak disampaikan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

54



# Modul PBD » Pentaksiran Formatif


Bahasa Melayu Tingkatan 4 Tema 3

1 ASPEK SENI BAHASA 4 TP

Baca dan fahami sajak di bawah ini. Kemudian, berikan respons anda tentang maksud sajak. SP 4.1.2 KBAT Menganalisis 3

2 **Peranan Remaja**

Remaja kunci masa depan
dalam usia muda yang penuh energi
dengan ilmu dan kemahiran yang dikumpul,
menjadi insan berdaya saing dan penuh budi.

Langkah diatur, keputusan yang bijak diambil
mengukir kejayaan, menjadi pahlawan dalam kehidupan sendiri.

Dalam kelompok, mereka pemimpin muda
pencetus perubahan
membantu, bekerjasama, dan menyumbang
membentuk komuniti harmoni dan sejahtera

dengan semangat gotong-royong
dan nilai-nilai mulia yang ditanam
mereka memupuk rasa kebersamaan
menyokong satu sama lain dalam setiap cabaran.

Remaja harapan negara
membina bangsa yang kuat dan bersatu
mengambil bahagian dalam pembangunan
menyumbang kepada kemajuan negara
dengan visi yang luas dan cita-cita tinggi
mengukuhkan kedudukan negara di persada dunia.

**PERANAN REMAJA**

| | |
|---|---|
| Diri | • Remaja perlu membangunkan diri dengan ilmu dan kemahiran<br>• Menjadi individu yang kompeten dan berintegriti<br>• Bijak mengatur strategi dan bijak membuat keputusan |
| Masyarakat | • Menjadi pemimpin dan pencetus perubahan<br>• Bertanggungjawab untuk membentuk komuniti yang harmonis dan sejahtera<br>• Bekerjasama dan menyokong antara satu sama lain |
| Negara | • Menyumbang kepada pembinaan negara yang kuat dan bersatu<br>• Mengambil bahagian dalam pembangunan dan kemajuan negara<br>• Memperkukuh kedudukan negara pada peringkat global |

Pendidikan Sivik : Nilai Kasih Sayang
• Murid dapat menjalankan peranan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. 10

1. Praktis topikal yang dikriteriakan mengikut kemahiran yang terdapat dalam buku teks.
2. Soalan yang mematuhi Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) serta sejajar dengan halaman buku teks.
3. Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk mencabar pemikiran murid.
4. Tahap Penguasaan (TP) murid boleh dinilai di akhir setiap halaman. Tahap Penguasaan yang boleh dicapai oleh murid ialah TP1 hingga TP6.

**PANDUAN PENGGUNAAN**




5. **Bahan pembelajaran digital** seperti Audio, Info, Video, Tutorial, dan Cetus Idea menyokong pembelajaran yang kondusif.
6. **Aktiviti PAK-21** disertakan untuk menyempurnakan PdPc.
7. **Pendidikan Sivik** merupakan aktiviti yang menerapkan empat nilai teras, iaitu kasih sayang, kegembiraan, bertanggungjawab, dan hormat-menghormati.
8. **Jom Ulang Kaji**
Soalan tentang aspek tatabahasa sebagai latihan ulang kaji bagi mengukuhkan tahap pengetahuan murid.












PANDUAN PENGGUNAAN

## E Modul SPM » Pentaksiran Sumatif

1. Praktis-praktis topikal dengan soalan-soalan berpiawai SPM.
2. Praktis berdasarkan setiap bahagian untuk membiasakan murid dengan soalan berformat SPM.
3. Pentaksiran Akhir Tahun **Kod QR**
4. Pembelajaran digital melibatkan Pelangi Online Test (POT).




| BAHAGIAN | SKOP | HALAMAN |
|---|---|---|
| PENULISAN | Karangan Respons Terhad<br>Karangan Respons Terbuka | 54<br>68 |
| SISTEM DAN APLIKASI BAHASA | Morfologi<br>Sintaksis<br>Penyuntingan<br>Bahasa Melayu Standard<br>Peribahasa | 89<br>92<br>94<br>98<br>100 |
| PEMAHAMAN | Pemahaman Petikan Umum<br>Pemahaman Petikan Sastera<br>Novel | 103<br>112<br>121 |
| RUMUSAN | | 127 |
| LISAN | Lisan Bertutur<br>Lisan Mendengar | 138<br>156 |







## F Nota Grafik KOMSAS

Nota KOMSAS **Kod QR** disediakan di halaman Kandungan.







## G Jawapan

Jawapan keseluruhan buku **Kod QR** disediakan di halaman Kandungan.









# RESOS DIGITAL GURU ePelangi+

Di platform ePelangi+, guru yang menerima guna (*adoption*) siri Target PBD KSSM diberi akses kepada EG-i dan bahan sokongan ekstra PdPc untuk tempoh satu tahun:

## 1 Apakah itu EG-i?

EG-i merupakan versi digital dan interaktif Edisi Guru Target PBD secara dalam talian. Versi ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran, memaksimumkan kesan PdPc, dan membangunkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta responsif dalam kalangan murid.




PANDUAN PENGGUNAAN

## Halaman Contoh EG-i



Bahasa Melayu Tingkatan 4 *Tema 13*

**ASPEK TATABAHASA** TP

**Kenal pasti dan senaraikan ayat tunggal susunan biasa, ayat tunggal susunan songsang, dan ayat majmuk dalam petikan di bawah ini.** SP 5.3.3

Underwater World Langkawi merupakan akuarium terbesar di Asia Tenggara. Akuarium ini menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara. Dibuka akuarium ini pada tahun 1996. Bertujuan untuk memupuk kepentingan melindungi hidupan laut. Selain memberikan kesedaran tentang hubungan akrab antara manusia, haiwan, dan alam sekitar, akuarium ini juga merupakan habitat kepada 4000 spesies hidupan liar. Dibina khas 100 buah tangki air untuk tujuan pameran kepada pengunjung. Selain hidupan laut, banyak juga spesies hidupan darat daripada jenis burung dan haiwan hutan turut dilindungi di sini.

Terowong kaca dibina sepanjang 15 meter. Menampung 500 000 liter air laut yang menjadi habitat semula jadi hidupan laut seperti penyu laut, ikan, dan sebagainya. Di bahagian yang lain pula terdapat hidupan darat yang menyajikan pengalaman berada di hutan hujan tropika. Para pengunjung dapat belajar tentang ciri-ciri unik haiwan tersebut. Harga tiket yang ditawarkan berpatutan. Boleh dilakukan tempatan tiket secara dalam talian.

**Ayat Tunggal Susunan Biasa**
1. Underwater World Langkawi merupakan akuarium terbesar di Asia Tenggara.
2. Akuarium ini merupakan habitat kepada 4000 spesies hidupan liar.
3. Terowong kaca dibina sepanjang 15 meter.

**Ayat Tunggal Susunan Songsang**
1. Dibuka akuarium ini pada tahun 1996.
2. Dibina khas 100 tangki air untuk tujuan pameran kepada pengunjung.
3. Boleh dilakukan tempahan tiket secara dalam talian.

**Ayat Majmuk**
1. Akuarium ini menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.
2. Selain hidupan laut, banyak juga spesies hidupan darat daripada jenis burung dan haiwan hutan turut dilindungi di sini.
3. Di bahagian yang lain pula terdapat hidupan darat yang menyajikan pengalaman berada di hutan hujan tropika.

VIDEO — Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk
TUTORIAL — Binaan Ayat Tunggal

PRAKTIS EKSTRA Tema 13

41

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Previous | Chapters | Notebook | Search | Settings | Next

**Alat sokongan lain:**
- Pen
- Sticky Note
- Unit Converter
- Ruler
- Calculator
- Bookmark

Klik Kod QR untuk mengakses bahan dalam kod QR seperti Cetus Idea (audio), Video, dan Tutorial.

Klik butang **JAWAPAN** untuk memaparkan atau melenyapkan jawapan (*hidden*) semasa penyampaian PdPc.

Pilih paparan halaman (single/double page) dan bahasa antara muka melalui ***Setting***.

## 2 BAHAN SOKONGAN PdPc EKSTRA!

Bahan-bahan pengajaran dan latihan di platform ePelangi+ boleh dimuat turun atau dimainkan terus.

**Bahan pengajaran**

- e-RPH (Microsoft Word)
- Edisi Guru PDF
- PowerPoint Interaktif
- Peta Konsep
- Nota Visual
- Modul Pendidikan Sivik
- Modul PAK-21

**Bahan latihan**

- Praktis Ekstra
- Bank Soalan SPM
- Pentaksiran Akhir Tahun

Boleh dimuat turun

**Bahan sokongan PdPc ekstra** yang sesuai dicadangkan pada halaman atau bahagian tertentu Edisi Guru melalui *thumb indeks* eP+ .

## CONTOH HALAMAN EDISI GURU DENGAN CADANGAN BAHAN SOKONGAN PDPC EKSTRA




eP+ Nota Visual




**Nota Visual**

Nota berwarna dalam bentuk grafik yang menarik.




eP+ Peta Konsep




**Peta Konsep**

Kerangka bab berwarna dalam bentuk carta.

eP+ Praktis Ekstra







**Praktis Ekstra**

Latihan tambahan mengikut tema.

## PowerPoint Interaktif

Slide pengajaran PPT lengkap yang meliputi setiap topik dan subtopik.




## Bank Soalan SPM

Soalan berpiawai SPM mengikut topik.



**Bank Soalan SPM**

**Bahagian A**
[30 *markah*]
[*Masa dicadangkan*: 30 *minit*]

*Maklumat di bawah ini berkaitan dengan perniagaan dalam talian.*
*Huraikan pendapat anda tentang* **perniagaan dalam talian**.
*Panjangnya huraian hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**Penipuan dalam talian meningkat**

KUALA LUMPUR: CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity) merekodkan 3921 kes penipuan dalam talian pada tahun 2014, berbanding dengan 3257 kes pada tahun 2015.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, penipuan dalam talian ialah kes paling banyak dilaporkan membabitkan keselamatan siber di Malaysia bagi tempoh lima tahun.

"Penipuan tersebut membabitkan pembelian barangan secara dalam talian, urus niaga perbankan Internet, dan tipuan (scam).

"Cybersecurity menerusi Pusat Koordinasi Cyber999 juga mendapati penjenayah siber turut menyebarkan perisian *malicious* atau '*malware*' dan menceroboh data maklumat yang dapat merosakkan sistem komputer serta menggugat keselamatan data peribadi individu atau sesebuah organisasi."

Beliau berkata selepas merasmikan sambutan "Safer Internet Day 2017' anjuran Cybersecurity di Angkasapuri hari ini, meminta orang ramai melaporkan sebarang kejadian jenayah siber dengan segera kepada Cybersecurity.

Berkenaan dengan Safer Internet Day, Madius berkata bersempena dengan sambutan Safer Internet Day yang diadakan pada setiap bulan Februari, beliau menyeru pengguna agar menggunakan Internet sebagai platform pengumpulan ilmu berguna.

Menurutnya, menjadi kebiasaan pengguna pada masa ini menularkan sesuatu perkara tanpa menyelidik terlebih dahulu kesahihan maklumat dan hal ini sangat serius serta harus diberikan perhatian oleh semua pihak.

"Komuniti yang aktif dalam Internet dan media sosial harus memastikan hanya berita sahih disebarkan, bukan berita palsu yang dapat memberikan kesan buruk untuk jangka panjang," katanya.

Sumber: Kes Penipuan dalam Talian Meningkat – Madius, mstar.com.my

**Kelebihan Perniagaan dalam Talian**
1. Menjimatkan masa pengguna
2. Menawarkan pelbagai jenis produk
3. Memudahkan perbandingan harga
4. Mengurangkan risiko perniagaan
5. Membuka pasaran global
6. Menawarkan fleksibiliti

Sumber: ipendidikan.my

"Wah, licik betullah! Bagaimanakah awak dapat mengesan penipuan pembeli itu?

"Saya rasa pelik apabila pembeli ini menggesa saya untuk mengepos barangan yang ditempah dengan segeranya selepas dia mengemukakan resit bank sebagai bukti bayaran. Terkejut saya dibuatnya. Bayaran yang dinyatakan oleh pembeli ini belum masuk ke dalam akaun saya."

(*Dipetik daripada petikan Waspada Selalu, Buku teks Tingkatan 4 KSSM, m/s:156 Kementerian Pendidikan Malaysia*)

1



# ePelangi+

**Bagaimanakah saya dapat mengakses semua bahan di ePelangi+?**



## LANGKAH 1

### DAFTAR AKAUN

Bagi pengguna baharu ePelangi+, imbas kod QR di bawah atau layari plus.pelangibooks.com untuk *Create new account*.

**Semak e-mel dan klik pautan untuk mengaktifkan akaun.**

## LANGKAH 2

### *ENROLMENT*

*Log in* ke akaun ePelangi+. Pada halaman utama (*Home*), cari tajuk buku dalam *Secondary* [*Full Access*].

Masukkan *Enrolment Key* untuk *enrol*.

**Hubungi wakil Pelangi untuk mendapatkan *Enrolment Key*.**

## LANGKAH 3

### AKSES RESOS DIGITAL

Klik bahan untuk dimuat turun atau dimainkan.







*** Kontak wakil Pelangi boleh didapati di halaman EG-8.**

# HUBUNGI WAKIL PELANGI

## PERKHIDMATAN & SOKONGAN

| KAWASAN | NOMBOR TELEFON |
|---|---|
| **Utara Semenanjung** | 012-4983343 |
| Perlis / Kedah | 012-4853343 |
| Penang | 012-4923343 |
| Perak | 012-5230133 / 019-6543257 |
| **Wilayah Tengah Semenanjung** | 012-3293433 |
| | 012-7800533 |
| | 012-7072733 |
| | 012-3297633 |
| | 019-3482987 |
| **Selatan & Pantai Timur Semenanjung** | 012-7998933 |
| Negeri Sembilan / Melaka | 010-2432623 |
| Johor | 012-7028933 |
| Pahang / Terengganu | 012-9853933 |
| Kelantan | 012-9863933 |
| **Malaysia Timur** | 012-8889433 |
| Kuching / Sarikei | 012-8839633 |
| Sibu / Bintulu / Miri | 012-8052733 |
| Sabah | 012-8886133 |

PELANGI Books Gallery

## GALERI PAMERAN ONSITE & ONLINE

**Bangi**
Wisma Pelangi, Lot 8, Jalan P10/10,
Kawasan Perusahaan Bangi,
Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor.

**Johor Bahru**
66, Jalan Pingai, Taman Pelangi,
80400 Johor Bahru, Johor.

**E-MEL KHIDMAT PELANGGAN PELANGI**
service1@pelangibooks.com

**PRODUK, PROMOSI PERKHIDMATAN & PROGRAM PELANGI TERKINI**

PelangiPublishing PelangiBooks PelangiBooks

# KANDUNGAN


Rekod Pentaksiran Murid

**MODUL PBD**

TEMA 1 Merealisasikan Impian 1
Praktis | Audio | PAK-21 | Cetus idea

TEMA 2 Insan Terdidik, Negara Sejahtera 5
Praktis | Nota | Audio | Info

TEMA 3 Memetik Bintang 9
Praktis

TEMA 4 Menjulang Harapan di Bumi Bertuah 11
Praktis | Tutorial | Video | Audio | Info | PAK-21 | Cetus idea

TEMA 5 Memacu Produktiviti 15
Praktis | Nota

TEMA 6 Dunia Pelancongan 18
Praktis | Nota | Video

TEMA 7 Demi Kedamaian 22
Praktis | Info

TEMA 8 Dalam Lipatan Kenangan 25
Praktis | Video | PAK-21

TEMA 9 Sayangi Malaysiaku 27
Praktis | Video | Info | Audio

TEMA 10 Bahasa Bugar, Sastera Kekar 31
Praktis | Nota | Video | PAK-21 | Info

TEMA 11 Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa 34
Praktis | Nota | PAK-21

TEMA 12 Asli dan Kontemporari 36
Praktis | Video | Info

TEMA 13 Segalanya Bermula di Sini 38
Praktis | Nota | Video | Audio | Info | Tutorial

TEMA 14 Sihat dan Bersih Pilihanku 42
Praktis | Nota | PAK-21 | Audio

TEMA 15 Angin Perubahan Membadai 45
Praktis | Info | Video

TEMA 16 Dipimpin untuk Memimpin 48
Praktis | Info

Jom Ulang Kaji 51

## MODUL SPM


**PRAKTIS SPM 1** 54

ePraktis ePNota Tutorial Info Cetus idea

**PENULISAN** 54

**Karangan Respons Terhad** 54
- Nota Ekspres 54
- Panduan Menulis Karangan Respons Terhad 55
- Praktis 59

**Karangan Respons Terbuka** 68
- Nota Ekspres 68
- Panduan Menulis Karangan Respons Terbuka 70
- Model Karangan Lengkap 75
  - Karangan Domain Awam 75
  - Karangan Domain Peribadi 77
  - Karangan Domain Pendidikan 78
  - Karangan Domain Kerjaya 80
- Praktis 81

**PRAKTIS SPM 2** 89

ePeta ePraktis ePNota Tutorial Video Info

**SISTEM DAN APLIKASI BAHASA** 89
- Nota Ekspres 89
- Morfologi 89
  - Nota Ekspres 89
  - Praktis 90
- Sintaksis 92
  - Nota Ekspres 92
  - Praktis 92
- Penyuntingan 94
  - Nota Ekspres 94
  - Praktis 95
- Bahasa Melayu Standard 98
  - Nota Ekspres 98
  - Praktis 99
- Peribahasa 100
  - Nota Ekspres 100
  - Praktis 101

**PRAKTIS SPM 3** 103

ePeta ePraktis ePNota Tutorial Info Cetus idea

**PEMAHAMAN** 103
- Nota Ekspres 103
- Petikan Umum 103
  - Nota Ekspres 103
  - Praktis 104
- Petikan Sastera 112
  - Nota Ekspres 112
  - Praktis 112
- Novel 121
  - Nota Ekspres 121
  - Praktis 121

**PRAKTIS SPM 4** 127

ePraktis ePNota Tutorial Video Info

**RUMUSAN** 127
- Nota Ekspres 127
- Praktis 128

**PRAKTIS SPM 5** 103

ePNota Video Info Audio Cetus idea

**LISAN** 138
- Lisan Bertutur 138
  - Nota Ekspres 138
  - Praktis 140
    - Bahagian A Individu 140
    - Bahagian B Kumpulan 153
- Lisan Mendengar 156
  - Nota Ekspres 156
  - Praktis 157


## NOTA GRAFIK KOMSAS

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT4/NGKOMSAS.pdf

## JAWAPAN

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT4/Jawapan.pdf

## PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/BMT4/PAT.pdf

# REKOD PENTAKSIRAN MURID

## BAHASA MELAYU Tingkatan 4

*Nama:* ......................................................................................................... *Tingkatan:* ................................

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **1** MEREALISASIKAN IMPIAN | **Mendengar dan Bertutur** | **1.1.1** Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul. | 1 | |
| | **Membaca** | **2.1.1** Membaca teks syarahan dan pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar. | 2 | |
| | **Menulis** | **3.5.1** Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. | 3 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.1** Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya. | 4 | |
| **2** INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA | **Mendengar dan Bertutur** | **1.1.1** Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul.<br>**1.1.2** Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul. | 5 | |
| | **Membaca** | **2.2.1** Membaca, mengenal pasti dan menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan primer. | 6 | |
| | **Menulis** | **3.2.1** Menulis untuk meramal sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton dengan memberikan justifikasi menggunakan ayat yang gramatis. | 7 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.2** Mengenal pasti dan menggunakan pelbagai kata terbitan dengan betul mengikut konteks. | 8 | |
| **3** MEMETIK BINTANG | **Membaca** | **2.3.1** Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat. | 9 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.1.2** Memahami dan mengapresiasi puisi moden dan puisi tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya. | 10 | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **4** MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH | **Mendengar dan Bertutur** | **1.3.1** Mendengar, menyebut semula dan menyusun fakta serta hujah daripada pelbagai situasi dengan betul, tepat dan bermakna. | 11 | |
| | **Menulis** | **3.3.1** Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan mengikut situasi dan keperluan. | 12 – 13 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.2.1** Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata nama dengan betul mengikut konteks. | 14 | |
| **5** MEMACU PRODUKTIVITI | **Menulis** | **3.4.1** Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang. | 15 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.2.1** Menggunakan peribahasa dan menghubung kait maksudnya dengan betul mengikut konteks. | 16 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.2.2** Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata kerja dengan betul mengikut konteks. | 17 | |
| **6** DUNIA PELANCONGAN | **Mendengar dan Bertutur** | **1.4.1** Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara dalam perbualan santai secara bertatasusila. | 18 – 19 | |
| | **Membaca** | **2.3.4** Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional. | 20 | |
| | **Menulis** | **3.4.2** Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan yang menepati tema menggunakan laras bahasa yang sesuai dan gramatis. | 21 | |
| **7** DEMI KEDAMAIAN | **Mendengar dan Bertutur** | **1.3.2** Mendengar, menganalisis dan menerangkan maklumat daripada pelbagai wacana dengan betul dan bermakna. | 22 | |
| | **Membaca** | **2.3.2** Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul. | 23 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.3.2** Menghasilkan seloka menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan bertatasusila. | 24 | |
| **8** DALAM LIPATAN KENANGAN | **Mendengar dan Bertutur** | **1.5.1** Mengenal pasti jenis, kesesuaian soalan dan kesesuaian masa untuk mengemukakan soalan terhadap individu atau kelompok secara bertatasusila. | 25 | |
| | **Menulis** | **3.4.4** Menulis untuk membuat kesimpulan yang lengkap dan menepati tema menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan yang menarik. | 26 | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **9** SAYANGI MALAYSIAKU | **Mendengar dan Bertutur** | **1.5.2** Mendengar dan menilai keseluruhan soalan serta memberikan respons yang betul secara berhemah dan bertatasusila. | 27 | |
| | **Membaca** | **2.3.3** Membaca dan membuat kesimpulan daripada bahan dengan betul. | 28 | |
| | **Menulis** | **3.1.1** Menulis suntuk membina ayat dengan membezakan makna kata, istilah, maksud rangkai kata, dan ungkapan dengan betul mengikut konteks. | 29 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.1.1** Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata tunggal dan kata majmuk dengan betul mengikut konteks. | 30 | |
| **10** BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR | **Mendengar dan Bertutur** | **1.5.3** Bersoal jawab dalam situasi untuk meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya dengan yakin. | 31 | |
| | **Membaca** | **2.4.1** Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang. | 32 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.1** Mengenal pasti dan menggunakan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dengan betul mengikut konteks. | 33 | |
| **11** EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA | **Menulis** | **3.5.1** Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. | 34 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.4.1** Mempersembahkan sketsa dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik. | 35 | |
| **12** ASLI DAN KONTEMPORARI | **Mendengar dan Bertutur** | **1.7.1** Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila. | 36 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.2.2** Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata kerja dengan betul mengikut konteks. | 37 | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| TEMA | KEMAHIRAN | STANDARD PEMBELAJARAN | HALAMAN | TAHAP PENGUASAAN |
|---|---|---|---|---|
| **13** SEGALANYA BERMULA DI SINI | **Mendengar dan Bertutur** | **1.7.1** Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila. | 38 | |
| | **Membaca** | **2.3.5** Membaca dan mengulas pandangan penulis secara rasional. | 39 | |
| | **Menulis** | **3.4.3** Menulis perenggan isi dengan huraian yang jelas dan kritis menggunakan bahasa yang gramatis. | 40 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.3** Mengenal pasti dan menggunakan ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang, dan ayat majmuk yang betul mengikut konteks. | 41 | |
| **14** SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU | **Mendengar dan Bertutur** | **1.4.2** Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara melalui ceramah, syarahan dan forum dengan yakin secara bertatasusila.<br>**1.8.1** Merumus isu semasa dengan kritis dan bernas secara jelas menggunakan ayat yang betul dan gramatis. | 42 | |
| | **Menulis** | **3.6.1** Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituan idea dalam pelbagai teks. | 43 | |
| | **Aspek Seni Bahasa** | **4.4.2** Mempersembahkan syair dan pantun dengan nada dan intonasi yang sesuai menggunakan pelbagai media secara kreatif. | 44 | |
| **15** ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI | **Mendengar dan Bertutur** | **1.8.2** Mengulas karya dengan menyatakan kekuatan dan kelemahan secara jelas, bernas dan kritis menggunakan ayat yang betul dan gramatis. | 45 | |
| | **Menulis** | **3.6.1** Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituan idea dalam pelbagai teks. | 46 | |
| | **Aspek Tatabahasa** | **5.3.4** Mengenal pasti dan menggunakan ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang betul mengikut konteks. | 47 | |
| **16** DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN | **Mendengar dan Bertutur** | **1.7.2** Berunding untuk menyelesaikan masalah secara kritis dan rasional menggunakan bahasa yang santun. | 48 | |
| | **Membaca** | **2.1.2** Membaca skrip drama dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai. | 49 | |
| | **Menulis** | **3.4.5** Menulis untuk menghasilkan karangan dengan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik. | 50 | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# Merealisasikan Impian

Buku Teks ms: 1 – 13

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

TRACK 1

**Dengar rakaman dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan peta i-THINK di bawah ini dengan fakta yang betul. Sebut.** SP 1.1.1



i-THINK Peta Buih

**Kepentingan Sukan**

- memupuk kesihatan fizikal dan mental
- pembentukan identiti nasional
- alat perpaduan dalam kalangan masyarakat
- menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara

AKTIVITI PAK-21

CETUS IDEA

***Pendidikan Sivik : Nilai Kegembiraan***

- Murid berupaya untuk menyelesaikan masalah secara rasional.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MEMBACA

TP



**Baca teks syarahan di bawah ini dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai, serta kepantasan yang wajar.** SP 2.1.1

Yang saya hormati Tuan Pengerusi Majlis, barisan panel hakim yang adil lagi bijaksana, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Selamat sejahtera saya ucapkan. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah "E-Sukan, Fenomena Baharu dalam Dunia Sukan Suatu Kelebihan".

Hadirin sekalian,

E-sukan merujuk pertandingan permainan video yang dianjurkan secara profesional. Para pemain atau pasukan akan bertanding dalam pelbagai permainan maya seperti *Dota 2*, *League of Legends*, *Counter-Strike*, dan banyak lagi. Perkembangan pesat ini telah membawa perubahan yang signifikan dalam cara kita melihat sukan, teknologi, dan hiburan.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada populariti e-sukan ialah kemajuan teknologi. Dengan peningkatan kelajuan Internet, kualiti grafik, dan kemudahan untuk mengakses permainan video, lebih banyak individu terutama golongan muda tertarik kepada dunia permainan ini. E-sukan kini dapat diakses oleh sesiapa sahaja tanpa mengira lokasi geografi. Hal ini telah membuka peluang kepada pemain dari seluruh dunia untuk bertanding dalam pelbagai kejohanan, baik peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

E-sukan juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui industri permainan video, penjualan peralatan permainan, dan penganjuran acara telah menarik kedatangan penonton dan pelancong dari seluruh dunia. E-sukan mempunyai potensi besar dari segi ekonomi. Industri ini telah menjadi sektor yang menguntungkan dengan penajaan, hak penyiaran, dan hadiah wang tunai yang lumayan ditawarkan dalam setiap kejohanan e-sukan. Beberapa kejohanan e-sukan terbesar seperti The International (Dota 2) dan League of Legends World Championship telah menawarkan hadiah berjuta-juta dolar kepada pemenang. Dengan ini, e-sukan menjadi satu kerjaya yang menarik bagi pemain-pemain profesional yang berlatih secara intensif untuk mencapai tahap tertinggi dalam permainan mereka.

Hadirin sekalian,

Selain itu, e-sukan juga telah membantu membentuk budaya popular moden. Pertandingan e-sukan sering kali disiarkan menerusi penstriman langsung seperti Twitch dan YouTube. Dengan itu, jutaan penonton dapat menyaksikan perlawanan tersebut secara langsung. Komuniti e-sukan juga sangat aktif di media sosial. Dalam hal ini, perbincangan tentang strategi permainan, kemajuan pasukan, dan berita terkini tentang dunia e-sukan sentiasa berlangsung.

Secara keseluruhannya, e-sukan merupakan fenomena yang tidak boleh diabaikan. E-sukan telah membentuk landskap sukan dan hiburan global semula, membuka peluang baharu dalam ekonomi digital, dan menyatukan komuniti dari seluruh dunia. Walaupun terdapat cabaran, namun e-sukan dilihat mempunyai masa depan yang cerah dengan lebih banyak kejayaan dan inovasi yang bakal dicapai pada masa akan datang. Bagi generasi muda, e-sukan bukan sahaja sekadar permainan, tetapi satu platform untuk mengejar impian dan mencapai kejayaan pada peringkat global. Sekian, terima kasih.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MENULIS

TP

**Baca petikan tentang keindahan panorama di Shark Bay, Australia. Kemudian, pilih satu tempat menarik di Shark Bay yang ingin anda lawati dan berikan alasan anda memilih tempat tersebut sebagai destinasi percutian anda.** SP 3.5.1 KBAT Menilai



Shark Bay terkenal dengan keindahan alam semula jadi, kepelbagaian hidupan liar yang unik, dan sejarah budayanya. Shark Bay terletak kira-kira 800 kilometer di utara Perth, Australia. Shark Bay merupakan antara Tapak Warisan Dunia UNESCO serta menjadi destinasi percutian yang sempurna bagi mereka yang mencintai alam semula jadi dan pengembaraan.

Monkey Mia menjadi tarikan utama di Shark Bay. Lokasi ini terkenal dengan ikan lumba-lumba liar yang datang ke pantai setiap hari untuk diberikan makanan. Pengunjung dapat berinteraksi dengan ikan tersebut di tepi pantai. Hal ini memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada para pengunjung. Selain itu, pengunjung juga dapat mandi-manda dan menikmati pemandangan pantai yang indah.

Sekiranya anda ke Shark Bay, jangan lupa untuk singgah di Denham. Denham ialah bandar utama di Shark Bay. Denham menawarkan pelbagai penginapan, restoran, dan kemudahan untuk pelancong. Di sini, pengunjung dapat berjalan di sepanjang pesisir pantai, makan di restoran tempatan, dan melawat Muzium Denham untuk mengetahui lebih lanjut tentang sejarah Shark Bay.

Ocean Park Aquarium pula merupakan sebuah akuarium yang terletak di Denham. Para pengunjung dapat melihat pelbagai spesies ikan dan hidupan laut lain yang berasal dari Shark Bay. Di sini, sekurang-kurangnya terdapat 28 spesies ikan jerung. Para pengunjung turut berpeluang untuk melawat ke akuarium, memperoleh pengalaman memberikan makanan kepada ikan jerung, dan mengikuti lawatan berpandu.

Sesungguhnya, Shark Bay menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan di Australia.




Sekiranya saya berpeluang untuk melancong ke Shark Bay, Australia, saya ingin sekali mengunjungi Ocean Park Aquarium kerana saya mahu melihat pelbagai spesies ikan jerung di samping memperoleh pengalaman memberikan makanan kepada ikan jerung serta mengikuti lawatan berpandu yang diadakan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## ASPEK SENI BAHASA

TP

**Baca dan fahami cerpen. Berikan respons.** SP 4.1.1

### Akulah Juara

Aiman atlet di sekolahnya. Dia sangat berbakat dalam sukan lumba lari. Dia rajin berlatih. Aiman akan bertanding dalam kejohanan pada peringkat negeri tidak lama lagi. Rakan sepasukannya dan jurulatih mereka percaya bahawa Aiman mampu menjadi juara. Namun begitu, Aiman ragu-ragu akan kemampuannya. Kekalahan lalu, masih membelenggu diri. Rizal merupakan juara bertahan dalam kejohanan itu. Oleh sebab itu, Aiman menganggap bahawa dia tidak mempunyai peluang untuk menang.

Aiman hampir mengalah. Namun begitu, dorongan dan semangat yang diberikan oleh rakan-rakan, jurulatih, dan kedua-dua ibu bapanya tidak putus-putus. Aiman teringat akan nasihat ibunya bahawa sesuatu kejayaan itu bukanlah semata-mata diukur dengan kemenangan, sebaliknya usaha dan keberanian diri untuk mencuba sesuatu perkara. Aiman bagaikan mendapat semangat baharu. Dia berjanji akan memberikan yang terbaik dalam perlumbaan itu.

Dengan semangat yang baharu, Aiman berlari dengan seluruh kekuatannya. Sebenarnya, Aiman bukan sahaja bersaing dengan Rizal, tetapi dengan ketakutannya sendiri. Dalam perlumbaan itu, Aiman berjaya mengatasi Rizal. Aiman berjaya menamatkan larian dengan menduduki tempat pertama. Aiman bagaikan tidak percaya. Akhirnya, dia berjaya menjadi seorang juara. Aiman sedar bahawa kemenangan sebenar ialah kejayaannya mengatasi rasa takut dan ragu-ragu yang ada dalam dirinya sendiri.

Aiman berdiri di atas podium. Dia menerima pingat emas dengan penuh kebanggaan. Aiman tersenyum sambil berbisik kepada dirinya. "Akulah juara, namun bukan kerana kemenangan ini tetapi usaha aku yang tidak pernah terhenti."

Persoalan yang terdapat dalam cerpen di atas ialah pengaruh sokongan dan nasihat daripada orang tersayang dalam mencapai kejayaan. Seterusnya, persoalan mengatasi rasa takut dan keraguan diri. Terdapat juga persoalan ketekunan dan usaha dalam mencapai kejayaan. Aiman berusaha dengan bersungguh-sungguh demi meraih kejayaan.



Nilai murni yang terdapat dalam cerpen di atas ialah keberanian. Aiman menunjukkan keberanian untuk menghadapi ketakutan dan keraguan dalam dirinya, serta mengambil keputusan untuk melakukan yang terbaik. Seterusnya, nilai tidak mudah putus asa apabila Aiman berusaha untuk menamatkan larian sekali gus menjadi juara dalam perlumbaan itu. Hal ini mendidik pembaca bahawa tidak kira betapa sukarnya sesuatu cabaran, kita hendaklah terus berusaha dan jangan sekali-kali menyerah kalah.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# Insan Terdidik, Negara Sejahtera

Buku Teks ms: 14 – 26

## KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

TRACK 2

**Dengar dan fahami maklumat yang disampaikan. Lengkapkan dialog. Lakonkan.** SP 1.1.1 SP 1.1.2

Dos Harian Vitamin C

ePP+ NOTA VISUAL




Sumber: *SINDOnews.com*, 2023

Sofea: Antara makanan yang dapat membantu dalam meningkatkan fungsi otak dan menjaga kecergasan mental ialah ikan salmon, kekacang, buah beri, sayuran berdaun hijau, telur, avokado, dan sebagainya.

Aida: Apakah khasiat ikan salmon?

Sofea: Antara khasiat ikan salmon ialah kaya dengan asid lemak Omega-3 yang mengandungi *Docosahexaenoic Acid* (DHA) dan *Eicosapentaenoic Acid* (EPA). Seterusnya, Omega-3 dalam ikan salmon telah terbukti dapat meningkatkan daya ingatan, tumpuan, dan fungsi kognitif.

Aida: Berdasarkan pengetahuan saya, ikan salmon merupakan sumber antioksidan. Apakah fungsi antioksidan itu?

Sofea: Sumber antioksidan yang terdapat dalam ikan salmon dapat melindungi otak daripada kerosakan oksidatif yang dapat menyumbang kepada penuaan otak dan penyakit neurodegeneratif.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MEMBACA

TP

**Baca dan fahami petikan di bawah ini. Kemudian, lengkapkan rajah yang berikutnya dengan maklumat yang betul.** SP 2.2.1 KBAT Menganalisis

Pengajaran Bahasa Melayu di luar negara merupakan usaha yang penting untuk memperkenalkan dan menyebarluaskan bahasa dan budaya Malaysia pada peringkat antarabangsa. Ada beberapa pendekatan dan strategi yang digunakan untuk mengajar Bahasa Melayu di luar negara. Antaranya termasuklah kurikulum dan silibus. Banyak institusi yang mengajarkan Bahasa Melayu mengikut kurikulum yang telah dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau bekerjasama dengan universiti tempatan. Pengajaran tersebut melibatkan silibus yang merangkumi aspek kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa, dan aspek tatabahasa.

Seterusnya, peranan institusi pendidikan, misalnya sekolah antarabangsa dan universiti dalam memperkenalkan bahasa Melayu. Lazimnya, institusi ini menawarkan kursus Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Hal ini termasuk universiti di negara-negara seperti Indonesia, Thailand, Singapura, dan Brunei. Selain itu, pendekatan dan strategi yang digunakan untuk mengajarkan Bahasa Melayu di luar negara termasuklah melalui Program Pertukaran Budaya. Program pertukaran pelajar membolehkan pelajar dari luar negara datang ke Malaysia untuk belajar Bahasa Melayu dan mengenali budaya tempatan secara langsung. Di samping itu, media dan teknologi turut berperanan dalam memastikan pengajaran Bahasa Melayu di luar negara dapat dilaksanakan. Kemudahan dan kecanggihan teknologi kini membolehkan pengajaran Bahasa Melayu dilakukan menerusi aplikasi, laman web, dan kursus secara dalam talian. Media sosial digunakan sebagai medan untuk berkongsi bahan pembelajaran, menjawab pertanyaan pelajar, dan berinteraksi dengan pelajar dari seluruh dunia.

Sesungguhnya, pengajaran Bahasa Melayu di luar negara memerlukan pendekatan yang fleksibel dan inovatif untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar yang berbeza dari segi latar belakang dan keinginan belajar mereka.

| Tersurat | Tersirat |
|---|---|
| Pengajaran berdasarkan kurikulum dan silibus yang sudah dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. | Memastikan pengajaran Bahasa Melayu di luar negara mengikuti standard Kementerian Pendidikan Malaysia, berkualiti, dan seragam. |
| Peranan institusi pendidikan menawarkan kursus Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. | Pelajar dapat memperluas kemahiran berbahasa Melayu serta memudahkan komunikasi dengan penutur bahasa tersebut. |
| Melaksanakan Program Pertukaran Budaya yang membolehkan pelajar luar negara datang ke Malaysia untuk belajar Bahasa Melayu dan mengenali budaya tempatan secara langsung. | Pelajar luar negara dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman dan memahami kepelbagaian budaya sesebuah negara dengan lebih mendalam. |
| Pengajaran Bahasa Melayu dilakukan menerusi aplikasi, laman web, dan kursus secara dalam talian. | Memudahkan pelajar mengakses bahan pengajaran di mana-mana sahaja serta waktu pembelajaran yang fleksibel. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## KEMAHIRAN MENULIS

TP

**Baca dan fahami petikan di bawah ini. Nyatakan ramalan anda berkaitan dengan bahan yang telah anda baca.** SP 3.2.1 KBAT Menganalisis / Menilai

Kerajaan perlu mewajibkan pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi menangani isu keciciran pembelajaran pada peringkat menengah.

Pakar pendidikan turut berpandangan bahawa sistem persekolahan negara sepatutnya diwajibkan selama 12 tahun, bermula pada peringkat prasekolah lagi. Menurutnya lagi, bagi murid yang keciciran, berkemungkinan mereka tidak mahu menduduki SPM. Hal ini merupakan satu kerugian. Oleh itu, pihak sekolah perlu memainkan peranan penting dalam memupuk minat murid untuk belajar, misalnya kaunselor sekolah. Pihak sekolah hendaklah melaksanakan kempen tentang hala tuju dan aliran yang boleh diambil oleh murid selepas tamat persekolahan. Pihak sekolah perlu mendedahkan murid tentang laluan dan perancangan masa depan supaya murid lebih jelas tentang haluan yang dapat dipilih oleh mereka untuk menuju ke menara gading. Pihak sekolah juga boleh menjemput pensyarah universiti atau bekas murid yang sudah memasuki bidang profesional untuk memberikan ceramah motivasi kepada murid-murid.

Mewajibkan pendidikan bermula usia tujuh tahun dianggap agak terlewat dan menjadi penyumbang kepada keciciran 3M, iaitu membaca, mengira dan menulis. Masalah keciciran berlaku apabila murid tahun satu masih belum dapat membaca, menulis, atau mengira. Oleh itu, pihak kerajaan hendaklah berusaha untuk melakukan perubahan demi masa depan murid-murid. Kerajaan hendaklah menyediakan pelbagai jenis bantuan kewangan dan bantuan kepada keluarga miskin untuk memastikan mereka mampu membeli keperluan pendidikan dan mengikuti persekolahan. Pemantauan dan penilaian hendaklah dilakukan secara berkala untuk mengenal pasti murid yang berisiko mengalami keciciran, termasuklah penilaian prestasi akademik dan sesi kaunseling. Usaha-usaha ini diharap dapat memastikan murid-murid tidak terlepas peluang untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan mencapai kejayaan dalam peperiksaan SPM.

Sumber: *Berita Harian Online*, Julai 2024

| Isu / Perkara | Ramalan Anda |
|---|---|
| Murid keciciran pembelajaran peringkat menengah | • Pelajar sukar mendapat pekerjaan dan pendapatan<br>• Meningkatkan golongan berpendapatan rendah |
| Peranan pihak sekolah dalam menarik minat murid untuk belajar | • Kebijaksanaan tenaga pengajar<br>• Bijak mengatur strategi untuk murid<br>• Melahirkan murid yang berjaya<br>• Murid mengetahui hala tuju selepas tamat persekolahan |
| Usaha pihak kerajaan dalam memastikan masa depan murid-murid terjamin | • Kebijaksanaan pemerintah<br>• Mengharumkan nama negara<br>• Imej negara terpelihara |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## ASPEK TATABAHASA

TP

**Baca petikan di bawah ini. Kenal pasti dan senaraikan lima kata terbitan yang terdapat dalam petikan. Kemudian, bina ayat menggunakan kata terbitan itu.** SP 5.1.2

Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) di Malaysia menekankan kemahiran-kemahiran baharu yang perlu dikuasai oleh murid untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Aktiviti PAK-21 di dalam kelas bertujuan untuk mengembangkan kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti, dan kemahiran sosial.

Antara contoh aktiviti PAK-21 yang boleh dilaksanakan termasuklah penggunaan teknologi pendidikan. Menerusi aktiviti ini, guru dapat mengintegrasikan teknologi seperti aplikasi pembelajaran Google Classroom, DELIMa, video interaktif, dan sebagainya. Kaedah ini menyediakan pengalaman pembelajaran yang interaktif dan memperkaya sumber belajar. Seterusnya, guru boleh melaksanakan aktiviti luar kelas. Guru boleh mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat-tempat bersejarah, muzium, dan Pusat Sains Negara, atau menjalankan aktiviti di luar sekolah yang berkaitan dengan mata pelajaran. Dengan ini, murid dapat menimba pengalaman pembelajaran yang praktikal dan kontekstual. Selain itu, guru boleh melakukan aktiviti PAK-21 berkonsepkan gamifikasi. Aktiviti ini menggunakan elemen permainan dalam pengajaran seperti kuiz, Sky Guide, GimKit, dan Wordwall. Sudah pasti kaedah ini dapat menjadikan pembelajaran lebih menarik dan memotivasikan murid.

Sesungguhnya, aktiviti-aktiviti ini dapat membantu murid memahami kandungan akademik serta kemahiran-kemahiran penting demi melahirkan generasi yang cemerlang, kreatif, dan berinovasi.

**INFO**
**Kata Terbitan**

**INFO**
**Pembelajaran Sepanjang Hayat**

| Kata Terbitan | Contoh |
|---|---|
| Awalan | belajar, menimba, membantu |
| Akhiran | lawatan |
| Apitan | pendidikan, permainan |
| Sisipan | cemerlang |

1. Kata Terbitan Awalan: membantu
   Contoh Ayat:
   Haiza sentiasa bersedia untuk membantu rakan-rakannya dalam pelajaran.

2. Kata Terbitan Akhiran: lawatan
   Contoh Ayat:
   Kami merancang untuk mengadakan lawatan ke pameran seni pada minggu depan.

3. Kata Terbitan Apitan: permainan
   Contoh Ayat:
   Permainan tradisional itu sungguh menyeronokkan dan sesuai untuk seisi keluarga.

4. Kata Terbitan Sisipan: cemerlang
   Contoh Ayat:
   Program latihan ini bertujuan untuk melahirkan pemimpin yang cemerlang pada masa hadapan.

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

# JOM ULANG KAJI

**A** *Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan* **empat kata nama terbitan** *tersebut. Kemudian* **bina satu ayat anda sendiri** *daripada setiap kata nama terbitan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kesedaran orang ramai tentang kepentingan penjagaan kesihatan semakin meningkat kini. Hal ini berpunca daripada pelbagai kempen yang dijalankan oleh agensi kerajaan termasuklah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pihak swasta, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Oleh hal yang demikian, semakin banyak orang memilih untuk mengamalkan produk kesihatan demi kebaikan tubuh badan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Kualiti dan Keselamatan Produk Kesihatan di Malaysia", *Dewan Kosmik*, April 2023

[6 *markah*]

| KATA NAMA TERBITAN | CONTOH AYAT |
|---|---|
| kesedaran | Setiap remaja perlu mempunyai kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan diri |
| penjagaan | Kanak-kanak itu hilang semasa dalam penjagaan ibu bapanya. |
| dijalankan | Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan perumahan itu. |
| memilih | Dia memilih untuk pulang ke kampung pada cuti sekolah nanti. |

**B** *Bahan di bawah ini mengandungi* **sebelas kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Pendidikan di masa ini adalah sesuatu yang tidak bernilai. Pendidikan yang terbaik mestilah dari pendidik yang terbaik. Usaha murid untuk mencapai kecemerlangan mudah diperolehi kerana guru menjadi contoh kalian. Semasa pandemik COVID-19, guru melakukan pelbagai inisiatif dengan menggunakan aplikasi atas talian untuk menyampaikan ilmu bagi memastikan pembelajaran berterusan. Apabila sekolah dibuka, guru berperanan untuk memastikan pakaian, pelitup muka, dan menjarakkan fizikal di sekolah. Tanggungjawab guru ini dianggap hebat apabila berhadapan dengan situasi baru yang tidak dijangka. Bukan sahaja ilmu dicurahkan guru, mereka juga memberikan perhatian kepada murid. Oleh sebab itu, ucapkanlah terima kasih sebagai tanda harga kepada mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Guru, Teknologi dan Pandemik' oleh Shakira Khairudin, *Dewan Siswa*, Mei 2021

[11 *markah*]


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| Bil. | Kesalahan | Pembetulan | Bil. | Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|---|---|---|---|
| i | di masa ini | pada masa ini | vii | atas | dalam |
| ii | adalah | ialah | viii | pakaian | pemakaian |
| iii | bernilai | ternilai | ix | menjarakkan | penjarakan |
| iv | dari | daripada | x | baru | baharu |
| v | diperolehi | diperoleh | xi | harga | penghargaan |
| vi | kalian | mereka | | | |

**C** *Baca petikan Bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis petikan tersebut semula dalam* **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, "Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?

"Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba ini pun hairanlah akan penjurit itu."

Dipetik daripada prosa tradisional "Kepimpinan Melalui Teladan" antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

Apabila hari sudah siang, ramai orang kaya datang berjumpa dengan raja untuk mengadukan masalah kecurian semalam. Jadi, baginda berasa hairan lalu berkata kepada Temenggung, "Wahai Temenggung, adakah kamu tidak menyuruh orang membuat kawalan malam tadi?"

Sembah Temenggung, "Daulat Tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang membuat kawalan malam tadi tetapi tiada seorang pun yang ditemui. Patik berasa hairan dengan tentera upahan tersebut."

**D** *Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian nyatakan* **dua peribahasa** *yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Banyak dalam kalangan pengguna media sosial yang tidak bertanggungjawab telah menyamar dan membuat pelbagai pakej pelaburan palsu dengan menawarkan keuntungan yang besar. Mereka menabur janji manis sehingga mangsa yang tidak berhati-hati terjebak dan terpaksa menanggung kerugian sehingga puluhan ribu ringgit. Pihak berkuasa sering mengingatkan orang ramai supaya lebih berwaspada dan tidak mudah terpengaruh akan sebarang janji yang meragukan. Meskipun penyamaran mereka ini sukar untuk dikesan, namun banyak dalam kalangan mereka telah berjaya ditangkap oleh pihak polis.

[4 *markah*]

(i) menangguk di air yang keruh

(ii) sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# MODUL SPM


| BAHAGIAN | SKOP | HALAMAN |
| --- | --- | --- |
| PENULISAN | Karangan Respons Terhad | 54 |
| | Karangan Respons Terbuka | 68 |
| SISTEM DAN APLIKASI BAHASA | Morfologi | 89 |
| | Sintaksis | 92 |
| | Penyuntingan | 94 |
| | Bahasa Melayu Standard | 98 |
| | Peribahasa | 100 |
| PEMAHAMAN | Pemahaman Petikan Umum | 103 |
| | Pemahaman Petikan Sastera | 112 |
| | Novel | 121 |
| RUMUSAN | | 127 |
| LISAN | Lisan Bertutur | 138 |
| | Lisan Mendengar | 156 |


*Jangan lupa Pelangi Online Test (POT) untuk latihan ekstra!*

POT

**https://qr.pelangibooks.com/?u= POTBM4**
**Enrolment key:** RmA%eW6E



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PENULISAN

## Karangan Respons Terhad



### NOTA EKSPRES

**KERTAS 1103/1 Bahagian A**

- Wajib menjawab satu soalan berdasarkan kepelbagaian bahan rangsangan yang diberikan
- Masa yang dicadangkan : 30 minit
- Panjang karangan antara 150 hingga 200 patah perkataan
- Markah : 30 markah

| Bahan Rangsangan | |
|---|---|
| • Puisi | • Poster |
| • Petikan | • Catatan |
| • Gambar | • Ilustrasi kartun |
| • Gambar rajah | • E-mel |
| • Iklan | • Jadual |

**Tema/ Isu**

- Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
- Bahasa dan Kesusasteraan
- Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan
- Integriti
- Jati Diri, Patriotisme, dan Kewarganegaraan
- Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika
- Kekeluargaan
- Kemasyarakatan
- Kerjaya
- Keselamatan
- Kesihatan dan Kebersihan
- Pelancongan
- Pendidikan
- Pengangkutan
- Pentadbiran dan Politik
- Perindustrian
- Pertanian, Penternakan, dan Perikanan
- Sejarah dan Warisan
- Sukan dan Rekreasi

**Panduan Menjawab Soalan**

1. Murid hendaklah membaca arahan soalan yang diberikan dengan telitinya. Kenal pasti tema atau isu yang dibincangkan daripada bahan-bahan rangsangan yang dikemukakan.
2. Kemudian, analisis bahan-bahan tersebut secara kritis dengan mengolah bahan rangsangan bagi mendapatkan isi-isi yang bersesuaian dengan tema soalan.
3. Rancang rangka karangan dan pastikan rangka karangan anda mengandungi pendahuluan, dua isi penting, dan penutup.
4. Jangan menyalin semua isi yang terdapat dalam bahan rangsangan. Analisis dan hasilkan olahan sendiri yang bersesuaian dengan maklumat penting yang hendak disampaikan dalam bahan berkenaan.
5. Untuk mendapatkan markah cemerlang, murid perlu menyentuh maklumat penting yang hendak disampaikan dalam kesemua bahan rangsangan yang diberikan.
6. Cadangan rangka dan jumlah perkataan bagi karangan bahan rangsangan adalah seperti yang berikut.

| Perenggan | Bahagian | Jumlah perkataan |
|---|---|---|
| Perenggan 1 | Pendahuluan | 40 |
| Perenggan 2 | Isi 1 | 50 – 60 |

| Perenggan | Bahagian | Jumlah perkataan |
|---|---|---|
| Perenggan 3 | Isi 2 | 50 – 60 |
| Perenggan 4 | Penutup | 40 |

7. Perenggan pendahuluan mengandungi isu yang disampaikan secara umum (dengan menganalisis bahan rangsangan).
8. Murid dicadangkan untuk mengolah isi dengan memberikan ayat topik, huraian, contoh, dan penegasan. Setiap perenggan perlu dibina dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang betul, dan mempunyai koheren bagi setiap isi yang hendak disampaikan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1

*Maklumat di bawah ini berkaitan dengan masalah kemalangan jalan raya.*
*Huraikan pendapat anda tentang* **kemalangan jalan raya**.
*Panjangnya huraian hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

PETALING JAYA: Sikap pemandu kenderaan berat seperti treler dan lori yang tidak mengutamakan keselamatan pemandu kenderaan lain adalah antara punca utama berlaku kemalangan.

Pensyarah Pusat Pemanduan Bijak (SDRC), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Madya Dr. Munzilah Md. Rohani berkata, kelemahan syarikat-syarikat pengangkutan atau logistik juga berkemungkinan menjadi punca berlakunya kemalangan. Antaranya ialah ketiadaan sistem pengesanan tentang cara pemanduan pemandu dan had laju yang dibawa serta tiada akses untuk melihat latar belakang pekerja, sama ada pernah melakukan kesalahan lalu lintas atau mempunyai saman. Oleh itu, sistem pengesanan atau sistem penarafan wajarlah digunakan supaya dapat memantau cara pemanduan, tingkah laku pemandu, dan sebagainya.

Beliau turut menyarankan pihak tertentu seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) supaya mengadakan satu kursus khas kepada pemandu kenderaan berat bagi meningkatkan tahap pemanduan dan kualiti servis yang baik di samping mengingatkan mereka semula tentang cara-cara pemanduan berhemah.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Sikap Pemandu Kenderaan Berat Punca Utama Kemalangan', *Utusan Malaysia*, 6 Jun 2022)








© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemalangan jalan raya yang serius dapat meragut nyawa dan mengakibatkan kehilangan orang tersayang. Kemalangan jalan raya sering melibatkan kenderaan berat dan disebabkan oleh pelbagai faktor. Dalam usaha mengatasi masalah ini, punca-punca utama kemalangan dan langkah-langkah yang perlu diambil haruslah diberikan perhatian serius.

Sikap pemandu sendiri merupakan salah satu punca utama kemalangan jalan raya. Pemandu yang memandu dalam keadaan mabuk atau menggunakan telefon bimbit berisiko tinggi untuk menyebabkan kemalangan. Pemandu yang mementingkan diri dan tidak mematuhi peraturan jalan raya juga menyumbang kepada masalah ini. Terutama sekali, pemandu kenderaan berat sering kali memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Sikap sebegini tidak hanya mempertaruhkan nyawa mereka sendiri, tetapi juga nyawa pengguna jalan raya yang lain. Slogan "Pandu Cermat Jiwa Selamat" ialah peringatan penting untuk semua pemandu agar lebih berhati-hati dan mematuhi peraturan jalan raya.

Selain sikap pemandu, kelemahan syarikat-syarikat pengangkutan atau logistik juga menyumbang kepada kemalangan. Banyak syarikat tidak mempunyai sistem pengesanan yang berkesan untuk mengesan cara pemanduan pemandu mereka dan had laju yang dibawa. Syarikat juga tidak mempunyai akses untuk melihat latar belakang pekerja, serta sukar untuk mengenal pasti sama ada pekerja tersebut pernah melakukan kesalahan lalu lintas atau mempunyai saman. Dalam hal ini, banyak kesalahan di jalan raya yang boleh dielakkan jika terdapat pengawasan yang lebih ketat.

Dalam usaha menjaga keselamatan jalan raya, pemerkasaan dan penguatkuasaan sistem kamera AWAS/AES ialah langkah penting. Kamera ini bertujuan memantau pengguna jalan raya yang memandu melebihi had laju dan kesalahan tidak mematuhi lampu isyarat. Langkah ini merupakan usaha proaktif untuk memastikan pematuhan undang-undang jalan raya dan meningkatkan keselamatan di jalan raya.

Kempen keselamatan jalan raya juga memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko kemalangan. Mengadakan ceramah atau kursus khas kepada pemandu kenderaan berat dapat membantu dalam meningkatkan tahap pemanduan dan kualiti servis mereka. Hal ini termasuklah mengingatkan pemandu tentang cara-cara pemanduan berhemah dan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil. Pendidikan dan latihan berterusan ialah kunci untuk mengurangkan kemalangan dan memastikan keselamatan jalan raya.

Secara keseluruhan, menangani isu kemalangan jalan raya memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan kerjasama daripada semua pihak. Dengan kesedaran, penguatkuasaan, dan pendidikan yang berterusan, kita boleh mengurangkan risiko kemalangan dan memastikan keselamatan di jalan raya untuk semua pengguna lebih terjamin.

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

## Karangan Respons Terbuka

# NOTA EKSPRES

**KERTAS 1103/1 Bahagian B**

- Empat soalan dikemukakan dan wajib menjawab satu soalan
- Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit
- Panjang karangan antara 350 hingga 500 patah perkataan
- Markah : 70 markah

| Karangan Berformat | Karangan Tidak Berformat |
|---|---|
| • Surat kiriman rasmi | • Perbincangan |
| • Surat kiriman tidak rasmi | • Pendapat |
| • Laporan | • Fakta |
| • Berita/ Rencana akhbar | • Peribahasa/ Cogan kata |
| • Dialog/ Wawancara/ Forum | • Ulasan |
| • Syarahan/ Ceramah/ Ucapan/ Perbahasan | |

**Tema/ Isu**

- Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
- Bahasa dan Kesusasteraan
- Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan
- Integriti
- Jati Diri, Patriotisme, dan Kewarganegaraan
- Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika
- Kekeluargaan
- Kemasyarakatan
- Kerjaya
- Keselamatan
- Kesihatan dan Kebersihan
- Pelancongan
- Pendidikan
- Pengangkutan
- Pentadbiran dan Politik
- Perindustrian
- Pertanian, Penternakan, dan Perikanan
- Sejarah dan Warisan
- Sukan dan Rekreasi

**Panduan Menjawab Soalan**

**1.** Murid perlu membaca setiap soalan dengan telitinya untuk mengenal pasti soalan yang sesuai dengan kemampuan murid.

**2.** Apabila domain dan soalan telah dipilih, murid perlu mengenal pasti kehendak dan arahan soalan seperti kata kunci, skop, dan tema.

**3.** Antara perkara yang perlu diberikan perhatian ialah format karangan dan fokus arahan soalan sama ada faktor, kesan, langkah, manfaat, peranan, atau halangan.

**4.** Jika soalan meminta murid mengupas lebih daripada dua fokus, murid seharusnya menghuraikan kedua-dua fokus tersebut secara seimbang. Contohnya, soalan meminta murid menulis karangan tentang faktor kedatangan pekerja asing ke negara ini dan kesan-kesannya. Murid harus menghuraikan kedua-dua fokus tersebut secara seimbang.

**5.** Pastikan murid menulis rangka karangan sebelum memulakan penulisan.

**6.** Sebaik-baiknya, murid menulis enam hingga tujuh perenggan karangan, iaitu satu perenggan pendahuluan, empat atau lima perenggan isi, dan satu perenggan penutup.

**7.** Cadangan rangka dan patah perkataan bagi karangan umum seperti di bawah ini:

| Perenggan | Bahagian | Jumlah perkataan |
|---|---|---|
| Perenggan 1 | Pendahuluan | 50+ |
| Perenggan 2 | Isi 1 | 80 |
| Perenggan 3 | Isi 2 | 80+ |
| Perenggan 4 | Isi 3 | 80+ |
| Perenggan 5 | Isi 4 | 80+ |
| Perenggan 6 | Penutup | 50 |
| Jumlah | | 420 |

**8.** Perenggan pendahuluan mengandungi isu dan ditulis dengan gaya penulisan yang menarik.

**9.** Murid dicadangkan supaya mengolah isi yang mempunyai kesinambungan idea yang berterusan. Setiap perenggan perlu dibina dengan bahasa yang gramatis, kosa kata yang betul, dan mempunyai koheren bagi setiap isi yang hendak disampaikan.

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

pertanian dan pinjaman untuk membeli peralatan pertanian. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan siswazah terbeban dengan masalah kewangan terutama untuk memulakan sesuatu projek baharu.

Oleh itu, pemberian geran dan alatan pertanian dapat menyemarakkan semangat siswazah untuk menceburi bidang berkenaan. Kini, sudah banyak siswazah yang berjaya dalam bidang pertanian hasil bantuan dan dorongan daripada kerajaan.

Namun begitu, segala insentif, ilmu, dan dorongan yang diberikan oleh pihak tertentu tidak akan membuahkan hasil jika para siswazah tidak mempunyai keinginan yang tinggi dalam bidang tersebut seperti peribahasa, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Oleh hal yang demikian, graduan haruslah mempunyai semangat yang jitu lagi padu untuk menjadi petani yang berjaya. Para siswazah perlu sedar bahawa tidak akan ada bentangan permaidani merah untuk mereka. Sudah pasti yang akan menunggu mereka ialah pahit getir perjuangan dan cabaran sengit yang tidak kunjung padam. Dengan itu, mereka haruslah mempersiapkan jiwa dan raga untuk menempuh keadaan tersebut. Para siswazah jangan sesekali bersikap hangat-hangat tahi ayam kerana ini hanya akan merugikan diri mereka.

Kesimpulannya, pelbagai usaha perlu dipacu oleh pelbagai pihak secara bersepadu untuk mencanakkan motivasi para siswazah untuk menyertai bidang pertanian. Usaha bersepadu ini sudah tentu akan menimbulkan minat dan semangat mereka untuk berkecimpung dalam bidang tersebut. Hal ini sudah tentu melonjakkan kemajuan negara kita dalam bidang pertanian sehingga dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju dalam bidang pertanian.

## PRAKTIS 1

**Domain Peribadi**

Isu penipuan Internet menjadi bualan hangat dalam kalangan masyarakat sejak kebelakangan ini. Banyak penipuan dalam talian dilaporkan kepada pihak berkuasa seperti 'Macau Scam', 'Love Scam' dan penipuan pinjaman.

Penipuan terbaharu ialah penipu menyamar sebagai penguat kuasa agensi kerajaan dan memperdaya mangsa dengan pelbagai tuduhan jenayah. Mangsa diminta supaya memindahkan wang dalam akaun bank mereka ke akaun bank yang lain untuk tujuan siasatan. Biasanya, mangsa terdiri daripada warga emas yang mempunyai wang simpanan yang banyak.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Masyarakat Perlu Peka Penipuan dalam Talian'
oleh Nurshuhaila Ibrahim, *www.bharian.com.my*, 17 Oktober 2020

Anda pegawai polis yang bertanggungjawab untuk menangani kes penipuan Internet. Sebuah persatuan bukan kerajaan telah menjemput anda menyampaikan ceramah kepada ahli-ahlinya berkaitan dengan penipuan Internet.

Tajuk ceramah anda ialah 'Langkah-langkah untuk Mengelakkan Diri daripada Menjadi Mangsa Penipuan Internet'.

Tulis teks ceramah anda selengkapnya. Panjangnya karangan anda hendaklah **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Pendahuluan:**

kata alu-aluan – pengerusi majlis, guru-guru, dan murid-murid serta ucapan salam kepada para hadirin – menyatakan tujuan berdiri di atas pentas – menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Langkah-langkah untuk Mengelakkan Diri daripada Menjadi Mangsa Penipuan Internet' – banyak penipuan Internet berlaku pada masa ini – melibatkan kerugian yang banyak – mendatangkan trauma kepada mangsa

**Isi-isi penting:**

**Isi 1**: terdapat pelbagai punca penipuan Internet – amat percaya kepada panggilan pihak tertentu – mendedahkan kekayaan diri – mudah terpedaya dengan ancaman – tidak mengambil berat tentang isu penipuan Internet yang semakin berleluasa masa ini

**Isi 2**: bagi mengelakkan menjadi mangsa – tingkatkan kesiapsiagaan – jangan mudah percaya kepada pihak tertentu yang mendakwa sebagai mewakili pihak tertentu – langkah terbaik – memutuskan panggilan – jangan biarkan pemanggil meneruskan percakapan

**Isi 3**: pasang perisian untuk mengesan pemanggil – banyak perisian pada masa ini – dapat mengesan ketulenan sesuatu panggilan – bersikap lebih selektif – jangan menjawab semua panggilan dengan mudah

**Isi 4**: kerajaan melipatgandakan usaha meningkatkan kesedaran masyarakat – melalui kempen di media massa dan media sosial – penting agar masyarakat terus siap siaga supaya tidak menjadi mangsa penipuan

**Penutup:**

penipuan Internet berlaku kerana sikap masyarakat – harus berganding bahu untuk menanganinya – jangan bersikap sambil lewa – peribahasa mengatakan jerat tidak pernah lupakan pelanduk – pada bila-bila masa dan sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa

## PRAKTIS 2

**Domain Awam**

Keluarga ialah penyumbang terbesar kepada jumlah pembuangan sisa makanan di negara ini. Menurut Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sebanyak 16 650 tan makanan dibuang oleh rakyat pada setiap hari.

Menurut kajian itu, secara purata sebuah keluarga membazirkan makanan hampir satu kilogram. Hal ini menunjukkan amalan pembaziran makanan di negara kita serius dan perlu ditangani segera. Kadar ini semakin meningkat pada musim perayaan dan bulan Ramadan.

Dipetik dan diubah suai daripada '16 650 Tan Sisa Makanan Dibuang Setiap Hari',
*www.hmetro.com.my*, 15 April 2019

Petikan di atas membincangkan isu pembaziran makanan yang semakin tinggi di negara kita. Huraikan faktor-faktor amalan ini dan langkah-langkah untuk menanganinya. Panjangnya karangan anda hendaklah **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# SISTEM DAN APLIKASI BAHASA



## NOTA EKSPRES

**KERTAS 1103/2 Bahagian A**

**Soalan 1 – Morfologi**
Bentuk soalan:
Mengenal pasti golongan kata dan membina ayat daripada kata tersebut

**Soalan 2 – Sintaksis**
Bentuk soalan:
Menukarkan bentuk ayat kepada satu bentuk lain

**Soalan 3 – Penyuntingan**
Bentuk soalan:
Mengenal pasti kesalahan ejaan dan kesalahan tatabahasa dan membetulkannya

**Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard**
Bentuk soalan:
Menukarkan teks bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu moden

**Soalan 5 – Peribahasa**
Bentuk soalan:
Memberikan peribahasa yang sama maksud, memberikan peribahasa yang sesuai dengan ayat, dan sebagainya

## Morfologi

TUTORIAL
Morfologi Bentuk Kata

## NOTA EKSPRES

1. Murid perlu mengkaji dan menguasai struktur kata, bentuk kata, dan penggolongan kata.

| Struktur Kata | Bentuk Kata | Penggolongan Kata |
|---|---|---|
| • Susunan bentuk bunyi bahasa atau lambang (dalam tulisan).<br>• Terbahagi kepada dua, iaitu pola suku kata terbuka dan pola suku kata tertutup.<br>• Struktur suku kata terdiri daripada perkataan bahasa Melayu dan juga kata pinjaman bahasa asing.<br>• Struktur suku kata yang asli (v, vk, kv, kvk). Struktur suku kata pinjaman daripada bahasa asing (kkv, kkvk, vkk, kkvkk, kkkvk). | • Kata tunggal<br>• Akronim<br>• Kata terbitan (pengimbuhan)<br>• Kata ganda<br>• Kata majmuk | • Kata nama<br>• Kata kerja<br>• Kata adjektif<br>• Kata tugas |

2. Soalan akan mengemukakan pelbagai bentuk kata dan penggolongan kata. Murid diminta supaya mengenal pasti perkataan tersebut dalam petikan yang diberikan.
3. Kemudian, murid perlu membina ayat daripada perkataan tersebut berdasarkan kehendak dan arahan soalan.

**Kesalahan Lazim**

1. Murid tidak dapat mengenal pasti perkataan seperti yang dikehendaki dalam arahan soalan.
2. Murid mengubah perkataan yang terdapat dalam petikan, sama ada ditambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan yang dipilih sebagai peribahasa atau nama khas semasa menulis ayat.
3. Ayat yang dibina tidak gramatis kerana tidak menggunakan tatabahasa yang betul.
4. Murid membina lebih daripada satu ayat bagi setiap perkataan.
5. Murid juga menyalin ayat yang terdapat daripada petikan sebagai jawapan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1

*Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan* **dua kata ganda** *dan* **dua kata majmuk mantap**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kompleks Perniagaan Pekan Rabu yang terletak di tengah-tengah bandar Alor Setar tidak asing lagi bagi penduduk tempatan mahupun mereka yang datang dari luar negeri Kedah. Kompleks perniagaan orang Melayu yang tersergam indah itu merupakan lambang kemegahan peniaga-peniaga bumiputera di Kedah. Terdapat berbagai-bagai jenis perniagaan yang dijalankan di Pekan Rabu daripada hasil tanaman hingga yang agak komersial dan bertaraf antarabangsa. Antara peniaga di Pekan Rabu ialah bekas Perdana Menteri Malaysia keempat dan ketujuh, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjual cendol dan membuka kedai kopi serta menjual buah-buahan pada zaman pendudukan Jepun pada tahun 1942 hingga 1944.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pekan Rabu Lambang Kemegahan Peniaga Melayu'
oleh Zaid boc Mohd Nor, *Utusan Malaysia*, 15 Ogos 2020

[8 *markah*]

1. peniaga-peniaga – Peniaga-peniaga diingatkan agar menyediakan alat pengimbas suhu di premis perniagaan masing-masing untuk mengelakkan dikompaun.
2. buah-buahan – Ibu membeli buah-buahan di Kedai Usaha Berkat kerana harganya yang jauh lebih murah berbanding dengan pasar raya yang lain.
3. bumiputera – Golongan bumiputera diseru agar berkecimpung dalam bidang perniagaan bagi meningkatkan taraf hidup mereka.
4. antarabangsa – Fesyen batik rekaan Razwan Razwill itu berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

## PRAKTIS 2

*Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan* **dua kata bantu** *dan* **dua kata penegas**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Istilah *nomofobia* boleh dikaitkan dengan konsep kebergantungan dan ketagihan seseorang terhadap telefon pintar. Kajian menunjukkan 53 peratus pengguna telefon pintar akan berasa bimbang apabila kehilangan telefon pintar, kehabisan bateri atau kredit, tidak mempunyai liputan rangkaian, dan belum mengecas telefon pintar mereka. Bagi mengatasi masalah ini, penghidap *nomofobia* perlu mengambil langkah dengan hanya mengurangkan tempoh penggunaan telefon pintar seperti mengenyahaktifkan notifikasi dan capaian Internet dan menyimpan telefon pintar dalam tempoh tertentu. Setiap individu juga harus berusaha untuk membina hubungan sosial secara bersemuka agar dapat membina keyakinan diri.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Ketagihan Telefon Pintar'
oleh Mudiana Mokhsin, *Kosmik*, Bil.4 2019

[8 *markah*]

ePlus NOTA VISUAL PRAKTIS EKSTRA Kata Bantu Morfologi



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Sintaksis

### NOTA EKSPRES

1. Murid perlu mengkaji proses pembinaan ayat melibatkan hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat.
2. Ayat biasanya terdiri daripada sekurang-kurangnya satu patah perkataan atau gabungan beberapa patah perkataan yang mengandungi maksud yang sempurna.
3. Binaan setiap ayat mestilah terdiri daripada kata, frasa, atau klausa yang membentuk subjek dan predikat.

| Binaan Ayat | Jenis Ayat | Ragam Ayat | Susunan Ayat |
|---|---|---|---|
| • Subjek dan predikat<br>• Pola ayat<br>• Ayat tunggal<br>• Ayat majmuk<br>• Cakap ajuk<br>• Cakap pindah | • Ayat penyata<br>• Ayat seruan<br>• Ayat tanya<br>• Ayat perintah | • Ayat aktif<br>• Ayat pasif<br>• Cakap ajuk<br>• Cakap pindah | • Ayat bersusunan biasa<br>• Ayat bersusunan songsang |

**TUTORIAL**

Sintaksis

**Kesalahan Lazim**

1. Murid tidak dapat mengenal pasti binaan, hukum, atau rumus sesuatu ayat.
2. Ayat yang dibina tidak gramatis kerana tidak menggunakan tatabahasa yang betul.
3. Murid tidak dapat menghasilkan ayat menepati kehendak soalan daripada petikan ayat yang diberikan.

## PRAKTIS 1

*Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Tukarkan* **ayat aktif** *yang bergaris kepada* **ayat pasif** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Pandemik COVID-19 yang menular pada penghujung tahun 2019 telah menyebabkan ekonomi negara bertambah buruk. Ekonomi negara dan pendapatan rakyat terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan premis perniagaan. Penutupan sektor ekonomi menyebabkan banyak orang kehilangan pekerjaan. Manakala proses pemulihan ekonomi negara pascapandemik COVID-19 memperlihatkan berlakunya inflasi dan peningkatan kos sara hidup. Banyak orang menjangkakan harga barang akan terus meningkat walaupun negara berada pada fasa endemik COVID-19.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Kos Sara Hidup Menanti Sinar dalam Kabut", *Dewan Masyarakat*, Jun 2023)

[8 *markah*]

(i) Ekonomi negara bertambah buruk disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang menular pada penghujung tahun 2019.

(ii) Banyak orang kehilangan pekerjaan disebabkan oleh penutupan sektor ekonomi.

(iii) Harga barang dijangkakan oleh banyak orang akan terus meningkat walaupun negara berada pada fasa endemik COVID-19.

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

1. • Pen mata bulat berwarna merah kerap digunakan oleh guru-guru untuk menyemak kerja rumah murid-murid.
   • Pen mata bulat berwarna merah kerap digunakan oleh guru-guru untuk menyemak kertas ujian murid-murid.
2. • Pen berwarna hitam paling kerap digunakan dalam penyediaan dokumen, menandatangani surat, atau menulis maklumat pada invois.
   • Pen berwarna biru paling kerap digunakan dalam penyediaan dokumen, menandatangani surat, atau menulis maklumat pada invois.
3. • Dalam kes jenayah yang berkaitan dengan dokumen palsu, kajian forensik akan dibuat berdasarkan isi kandungan dokumen berkenaan.
   • Dalam kes jenayah yang berkaitan dengan dokumen palsu, kajian forensik akan dibuat berdasarkan penggunaan alat tulis pada dokumen berkenaan.

ePP+ NOTA VISUAL Kesalahan Ejaan

TUTORIAL

Penyuntingan

## Penyuntingan

### NOTA EKSPRES

1. Proses menyunting dengan mengenal pasti kesalahan penggunaan ejaan, kata dan istilah, bahasa, dan tatabahasa dalam ayat atau lebih mudah difahami sebagai proses mengedit petikan.
2. Murid perlu menyenaraikan perkataan yang mengandungi kesalahan, kemudian membetulkan kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam petikan yang diberikan.
3. Murid tidak perlu menyalin petikan semula.

| Kesalahan Ejaan | Kesalahan Kata/Istilah | Kesalahan Tatabahasa |
|---|---|---|
| • Vokal<br>• Konsonan<br>• Imbuhan<br>• Kata pinjaman | • Kata dasar<br>• Istilah yang tepat<br>• Penggolongan kata | • Hukum DM<br>• Aneksi pesona<br>• Jamak<br>• Aktif dan pasif |

**Kesalahan Lazim**

1. Murid tidak dapat mengenal pasti kesalahan perkataan yang terdapat dalam petikan.
2. Murid tidak menyenaraikan perkataan-perkataan yang salah dan hanya menulis perkataan yang telah dibetulkan sahaja.
3. Murid tidak mematuhi arahan dengan memberikan jawapan melebihi daripada arahan soalan.
4. Perkataan yang dibetulkan mengandungi kesalahan atau tulisan murid sukar dibaca.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1

*Bahan-bahan di bawah ini mengandungi* **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

**Bahan 1**

Penyu hidup hampir di setiap lautan di seluruh dunia. Terdapat tujuh spesis penyu di dunia dan empat daripadanya, iaitu penyu belimbing, penyu agar, penyu karah, dan penyu lipas direkodkan bertelur di dalam pantai Malaysia. Kesemua penyu-penyu tersebut dikumpulkan sebagai haiwan terancam di Malaysia. Penyu menghabiskan 99 peratus dari kehidupannya di laut dan penyu betina hanya naik ke darat demi untuk bertelur.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Kepelbagaian Spesies Penyu di Malaysia", *Dewan Kosmik*, April 2023

[6 *markah*]

**Bahan 2**

Pembentukan komunikasi yang baik perlu dimulakan seawal usia kanak-kanak agar sebati dan bentuk jati diri setelah meningkat dewasa. Didikan dan teguran yang berterusan daripada ibubapa kepada anak-anak amat penting supaya semasa di rumah kalian diasuh dengan komunikasi yang baik, sedangkan bila berada di luar rumah anak-anak terdedah dengan komunikasi yang kesat melalui pergaulan dengan rakan-rakan atau pengaruh media massa.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Remaja dan Pengaruh Budaya Luar", *Dewan Siswa*, November 2023

[5 *markah*]

**Bahan 1**

| Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|
| **1.** spesis | **1.** spesies |
| **2.** di dalam | **2.** di |
| **3.** Kesemua penyu-penyu | **3.** Kesemua penyu/ Penyu-penyu |
| **4.** dikumpulkan | **4.** dikategorikan |
| **5.** dari | **5.** daripada |
| **6.** demi untuk | **6.** demi/ untuk |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| Kesalahan | Pembetulan |
|---|---|
| 1. didominassi | 1. didominasi |
| 2. peroses | 2. proses |
| 3. memperuntukan | 3. memperuntukkan |
| 4. hidupan | 4. kehidupan |
| 5. Kadang kala | 5. Kadangkala |
| 6. psikoloji | 6. psikologi |
| 7. internet | 7. Internet |
| 8. resmi | 8. rasmi |
| 9. suka rela | 9. sukarela |
| 10. berceloteh | 10. berinteraksi |
| 11. menitik beratkan | 11. menitikberatkan |

VIDEO — Bahasa Melayu Standard

TUTORIAL — Bahasa Melayu Standard

## Bahasa Melayu Standard

### NOTA EKSPRES

1. Soalan bahagian ini menghendaki murid menukarkan ayat bahasa klasik kepada bahasa moden atau bahasa Melayu Standard.
2. Murid tidak perlu menceritakan semula, menulis sinopsis berdasarkan petikan, atau menerangkan ayat yang terdapat dalam petikan tersebut.
3. Murid harus mengetahui bukan semua perkataan perlu ditukarkan.

| Kekalkan | Gugurkan | Tukarkan |
|---|---|---|
| • Struktur atau susunan ayat dalam petikan perlulah dikekalkan.<br>• Bilangan ayat mestilah sama dengan petikan klasik yang diberikan dalam soalan.<br>• Bentuk ayat dialog dan tanda bacanya perlu dikekalkan.<br>• Semua bahasa istana tidak boleh diubah.<br>• Nama watak dan tempat tidak boleh diubah.<br>• Kata ganti nama diri, contohnya ayahanda, ibunda, dan bonda dikekalkan.<br>• Mengekalkan perenggan dalam petikan asal. | • Perkataan yang tidak digunakan dalam bahasa Melayu moden boleh digugurkan. Contohnya syahadan, sebermula, kalakian, arakian, alkisah, hatta.<br>• Kata 'pun' dan 'lah' yang tidak perlu juga boleh digugurkan. | • Murid hanya dibenarkan untuk menggantikan setengah kata atau diksi asalkan tidak mengubah maksud asal kata tersebut. |

**>> Kesalahan Lazim**

1. Murid mentafsir atau membuat ulasan cerita (berlaku tokok tambah/terpesong).
2. Setiap ayat tidak memperlihatkan kohesi dan koheran hingga menghasilkan alih bahasa yang tidak tepat.
3. Jawapan tidak ditulis dalam ayat yang lengkap dan tidak mengekalkan bentuk atau perenggan seperti yang terdapat dalam petikan.
4. Murid tidak menggunakan tanda baca yang betul.
5. Ayat-ayat jawapan murid tidak menunjukkan pemahaman maksud dan tidak mengekalkan bentuk asal penceritaannya.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1

INFO

Bahasa Melayu Standard

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

> Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, "Hai ibuku, kemana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?".
>
> Dipetik dan diubah suai daripada "Kepimpinan Melalui Teladan" dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

Pada waktu itu, Kertala Sari sudah pulang dari Daha. Kertala Sari banyak memperoleh harta seperti emas, perak, pakaian, wang berjuta-juta yang dicurinya daripada orang. Setelah pulang ke rumah, Kertala Sari bertanya kepada ibunya, "Wahai ibuku, ke manakah bapaku pergi kerana aku tidak melihatnya?"

## PRAKTIS 2

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

> Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta saudagar itu sekuasa-kuasa ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulinya.
>
> Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang daripada Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

Kertala Sari pergi ke rumah seorang saudagar kaya. Ketika itu dilihat oleh Kertala Sari bahawa saudagar sedang makan nasi bersama-sama isterinya. Kertala Sari masuk lalu makan bersama dengan saudagar itu. Setelah lewat malam, saudagar itu pun tidur. Kertala Sari telah mencuri segala harta saudagar itu sebanyak yang mampu dibawa malah isteri saudagar juga dicabulnya.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 3

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

> Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hatinya, "Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu-tahu juga."
>
> Maka diambil suatu kayu, maka disarungnya. Maka dipalu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuruh bunyinya. Maka didengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuruh. Maka ia pun hendak pergi mendapatkannya, maka ia teringat akan pesan Laksamana: tiada diberinya bergerak, masing-masing pada tempatnya.
>
> Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang daripada Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 *markah*]

Kertala Sari berasa hairan dan berkata-kata dalam hatinya, "Sesungguhnya ilmu sakti ini bukan ilmu sakti orang Melayu, tetapi ilmu sakti penjurit Jawa yang memiliki kepandaian juga."

Kertala Sari mengambil suatu kayu lalu disarungnya. Ketika itu, kayu hikmat Laksamana berpalu dengan bunyi yang kuat. Orang yang berkawal mendengar bunyi yang terlalu kuat. Mereka hendak pergi melihatnya, tetapi mereka teringat akan pesan Laksamana bahawa mereka tidak dibenarkan bergerak dan perlu berada di tempat masing-masing.

INFO — Koleksi Peribahasa

TUTORIAL — Peribahasa

## Peribahasa

### NOTA EKSPRES

1. Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah, dan kata-kata hikmat.
2. Murid akan diberikan soalan peribahasa sama ada bentuk petikan, dialog, pernyataan, situasi, drama, dan sebagainya.
3. Murid tidak perlu menyalin petikan yang diberikan.
4. Murid tidak boleh menambahkan perkataan atau menukarkan perkataan yang terdapat dalam peribahasa.
5. Arahan soalan merangkumi:

| Ayat/Maksud/Petikan/Dialog | Peribahasa yang sama maksud | Mengisi tempat kosong |
|---|---|---|
| • Memberikan maksud peribahasa.<br>• Menyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan maksud atau ayat yang diberikan.<br>• Menyatakan peribahasa berdasarkan petikan, perenggan, atau dialog yang diberikan. | • Mengenal pasti peribahasa dalam petikan, kemudian menyatakan peribahasa lain yang sama maksud dengan peribahasa yang terdapat dalam petikan. | • Melengkapkan perenggan petikan dengan mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai. |

**>> Kesalahan Lazim**

1. Peribahasa yang diberikan tidak tepat atau sesuai dengan konteks ayat dalam petikan.
2. Murid tidak akur akan arahan soalan dengan menyenaraikan lebih daripada satu peribahasa.
3. Jawapan yang ditulis oleh murid mengandungi kesalahan ejaan, kata, dan susunan binaan sesuatu peribahasa.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1

*Petikan di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan* **dua** *peribahasa sahaja, kemudian berikan* **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** *dengan peribahasa tersebut.*

> Perkahwinan Julia dan Norman yang diadakan baru-baru ini menjadi buah mulut tetamu yang hadir. Pasangan Julia dan Norman yang secocok bagai pinang dibelah dua menarik perhatian tetamu yang hadir ke majlis perkahwinan tersebut. Dalam majlis itu, hubungan keakraban kedua-dua keluarga pengantin lelaki dan perempuan jelas terpancar seperti isi dengan kuku. Tetamu yang hadir turut memuji tuan rumah kerana memilih pakej katering yang terbaik. Pakej katering tersebut menyajikan makanan yang enak dan para pekerjanya melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh, bak kata pepatah alang-alang mandi biar basah.

[4 *markah*]

(i) bagai pinang dibelah dua – bagai cincin dengan permata

(ii) seperti isi dengan kuku – bagai dakwat dengan kertas

## PRAKTIS 2

*Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kenal pasti dan* **senaraikan** *peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang* **sama maksud** *atau* **hampir sama maksud** *dengan peribahasa tersebut.*

> Sejak menceburi bidang perniagaan minuman kesihatan, Azman sering menggalakkan adik-adiknya berkecimpung dalam dunia usahawan dan belajar selok-belok perniagaan sejak kecil. Dia sering berpesan kepada adik-adiknya bahawa tiada jalan mudah untuk mengecapi kejayaan kerana jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang. Banyak anak muda yang bersikap mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan dengan mengambil keputusan berhenti kerja atau melaburkan semua wang simpanan mereka untuk menceburi bidang perniagaan yang akhirnya kecundang ibarat abu di atas tunggul kerana tidak cukup pengalaman dan gagal memanfaatkan teknologi maklumat untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PEMAHAMAN



## NOTA EKSPRES

| Soalan | Kertas SPM 1103/2 Bahasa Melayu Bahagian B |
|---|---|
| **Kriteria** | • Murid diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad dan subjektif respons terbuka.<br>• Murid mesti menjawab tiga soalan pemahaman dalam bahagian ini, iaitu:<br>– Soalan 6: Pemahaman Petikan Umum<br>– Soalan 7: Pemahaman Petikan Sastera<br>– Soalan 8: Novel<br>• Konstruk dan aspek yang ditaksir bagi soalan bahagian ini ialah:<br>– Kemahiran Membaca<br>❑ Memahami ❑ Menilai<br>❑ Menganalisis ❑ Mencipta<br>– Pengetahuan Sistem Bahasa<br>– Nilai |
| **Markah** | • Markah keseluruhan yang diperuntukkan pada bahagian ini ialah 35 markah.<br>• Soalan pemahaman petikan umum dan pemahaman petikan sastera memperuntukkan 25 markah.<br>• Soalan pemahaman novel ialah 10 markah, iaitu 4 markah bagi soalan pemahaman novel dan 6 markah bagi soalan kajian novel. |

TUTORIAL

Petikan Umum

## Petikan Umum

## NOTA EKSPRES

**Panduan Menjawab Soalan**

**1.** Dalam peperiksaan, soalan pemahaman petikan umum dikemukakan sebagai Soalan 6.

**2.** Pelbagai bentuk bahan dapat dikemukakan dalam Soalan 6 ini. Antaranya termasuklah rencana, jadual, iklan, bahan grafik, puisi, dan sebagainya.

**3.** Dua atau tiga bahan yang mengutarakan isu yang sama akan dikemukakan.

**4.** Murid dikehendaki supaya membaca semua bahan yang diberikan dengan teliti dan menjawab semua soalan yang dikemukakan.

**5.** Pecahan soalan yang diuji ialah:
   (a) Soalan (i) – Maksud rangkai kata yang terdapat dalam bahan.
   (b) Soalan (ii) – Beza banding sesuatu aspek berdasarkan semua bahan.
   (c) Soalan (iii) – Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berbentuk pemikiran kritis.
   (d) Soalan (iv) – Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berbentuk penyelesaian masalah.

**6.** Bagi soalan yang meminta murid memberikan maksud frasa, murid hendaklah memberikan maksud frasa tersebut berdasarkan konteks dalam petikan. Murid haruslah mengelak daripada mengulang perkataan yang ada dalam frasa tersebut.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Bagi soalan yang meminta murid menyatakan persamaan dan perbezaan tentang sesuatu aspek dalam Bahan 1 dan Bahan 2, murid haruslah mengeluarkan isi yang menunjukkan persamaan dan perbezaan. Isi mestilah sekurang-kurangnya dua. Jawapan mestilah ditulis dengan mengambil sebahagian soalan dan menambahkan isi jawapan yang diperoleh daripada bahan-bahan dalam petikan tersebut.
8. Bagi soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, murid haruslah mengemukakan jawapan yang rasional. Isi yang dikemukakan daripada buah fikiran murid sendiri. Biasanya, dua isi jawapan berserta dengan huraian diperlukan.
9. Bagi soalan penyelesaian masalah, murid haruslah mengemukakan langkah atau cara yang mampu murid lakukan dalam usia 17 hingga 18 tahun. Murid dilarang daripada mengemukakan jawapan di luar kemampuan murid seperti mengadakan kempen melalui media massa atau memberikan sumbangan wang dalam jumlah yang besar.
10. Murid hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah menggunakan ayat yang gramatis.
11. Sebanyak 12 hingga 13 markah diperuntukkan bagi Soalan 6 mengikut pecahan yang berikut:
    (a) Soalan (i) – 2 markah
    (b) Soalan (ii) – 3 atau 4 markah
    (c) Soalan (iii) – 3 markah
    (d) Soalan (iv) – 4 markah

**Kesalahan Lazim**

1. Murid menyalin ayat yang terdapat dalam petikan bulat-bulat untuk dijadikan jawapan.
2. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek tatabahasa.
3. Bagi soalan memberikan maksud, murid menulis jawapan dalam bentuk huraian atau penjelasan maksud.
4. Murid menulis jawapan dalam bentuk catatan ringkas.

## PRAKTIS 1

*Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Pulau Songsong terletak di Yan, Kedah. Pulau Songsong tidak mempunyai penduduk dan tiada kemudahan penginapan disediakan kepada para pelancong. Walau bagaimanapun, para pelancong masih boleh berkunjung ke pulau ini untuk lawatan harian atau bermalam dengan membawa kelengkapan sendiri, seperti khemah, makanan, dan minuman kerana tiada bekalan elektrik dan air bersih disediakan. Tarikan pulau tersebut ialah alam semula jadi seperti pokok hutan, flora dan fauna, serta terumbu karang di dasar laut yang cantik. Selain itu, kawasan pantai yang **unik** dengan pasir berwarna putih dan bebas daripada sebarang pencemaran.

Dipetik daripada rencana "Daerah Yan, Warisan Pelancongan Semula Jadi yang Indah", *Dewan Siswa*, Jun 2023

**GLOSARI**

**unik** – lain daripada yang lain

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Petikan Sastera

TUTORIAL

Petikan Sastera dan Novel

### NOTA EKSPRES

1. Dalam peperiksaan, soalan pemahaman petikan sastera dikemukakan sebagai Soalan 7.
2. Bahan yang dikemukakan dalam Soalan 7 ini berasaskan karya kreatif daripada KOMSAS Tingkatan 4 atau sumber-sumber lain. Antaranya termasuklah drama, prosa tradisional, puisi tradisional, sajak, cerpen, dan sebagainya.
3. Semua bahan yang dikemukakan berdasarkan isu yang sama.
4. Murid dikehendaki supaya membaca semua bahan yang diberikan dengan teliti dan menjawab semua soalan yang dikemukakan.
5. Pecahan soalan yang diuji ialah:
   (a) Soalan (i) – Maksud rangkai kata yang terdapat dalam bahan.
   (b) Soalan (ii) – Beza banding sesuatu aspek berdasarkan semua bahan.
   (c) Soalan (iii) – Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berbentuk pemikiran kritis.
   (d) Soalan (iv) – Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang berbentuk penyelesaian masalah.
6. Bagi soalan yang meminta murid memberikan maksud frasa, murid hendaklah memberikan maksud frasa tersebut berdasarkan konteks dalam petikan. Murid haruslah mengelak daripada mengulang perkataan yang ada dalam frasa tersebut.
7. Bagi soalan yang meminta murid menyatakan persamaan dan perbezaan tentang sesuatu aspek dalam semua bahan yang dikemukakan, murid haruslah mengeluarkan isi yang menunjukkan persamaan dan perbezaan. Isi mestilah sekurang-kurangnya dua.
8. Bagi soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, murid haruslah mengemukakan jawapan yang rasional. Isi daripada buah fikiran murid sendiri. Biasanya, dua isi berserta dengan huraian diperlukan.
9. Bagi soalan penyelesaian masalah, murid haruslah mengemukakan langkah atau cara yang mampu murid lakukan dalam usia 17 hingga 18 tahun. Murid dilarang untuk mengemukakan jawapan di luar kemampuan murid seperti mengadakan kempen melalui media massa atau memberikan sumbangan wang dalam jumlah yang besar.
10. Murid hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah menggunakan ayat yang gramatis.
11. Sebanyak 12 hingga 13 markah diperuntukkan bagi Soalan 7 mengikut pecahan yang berikut.
    (a) Soalan (i) – 2 markah
    (b) Soalan (ii) – 3 atau 4 markah
    (c) Soalan (iii) – 3 markah
    (d) Soalan (iv) – 4 markah

**Kesalahan Lazim**

1. Murid menyalin ayat yang terdapat dalam bahan-bahan yang dikemukakan bulat-bulat untuk dijadikan jawapan.
2. Ayat yang dibina tidak gramatis dan terdapat kesalahan dari aspek tatabahasa.
3. Bagi soalan memberikan maksud, murid menulis jawapan dalam bentuk huraian atau penjelasan maksud.
4. Murid menulis jawapan dalam bentuk catatan ringkas.

### PRAKTIS 1

*Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak muda sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelar globalisasi dalam menuju arus perdana.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

"Mel, agama dan bangsa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah."

Dipetik daripada cerpen "Munsyi", antologi *Jaket kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Bahan 2**

**Syair Pesanan Ibu**

Dengarlah anak ibu berpesan,
Lengkapkan diri dengan pelajaran,
Hanya itu jadi bekalan,
Untuk hidup di masa depan.

Ilmu itu pelindung diri,
Seperti kebun berpagar duri,
Seperti sinar intan baiduri,
Itulah tanda orang jauhari.

Hidupmu kini di masa remaja,
Bagaikan permata amat berharga,
Jangan jatuh ke lembah hina,
Nanti menyesal tidak berguna.

Kalau hidup terasa susah,
Sendiri berhadapan dengan masalah,
Hadapi dengan hati yang tabah,
Jangan cepat resah gelisah.

Syaitan menggoda bertambah gundah,
Jangan mengambil jalan yang mudah,
Jangan sekali mencuba dadah,
Kalau terjerat sesal tak sudah.

Jika masa sudah terbuang,
Perginya tidak akan berulang,
Di hari tua sesal mendatang,
Mengingatkan waktu yang telah hilang.

Dunia bagai lautan dalam,
Gelombang besar karangnya tajam,
Di situ banyak kapal tenggelam,
Ramailah insan yang telah karam.

Ingatlah wahai anakku sayang,
Tanah indah pusaka moyang,
Jangan terlepas ke tangan orang,
Sedangkan kita miskin terbuang.

Zurinah Hassan
*Dewan Bahasa dan Pustaka*

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkap keempat. [2 *markah*]

Seandainya terpaksa menghadapi kehidupan yang susah hendaklah dihadapi dengan tabah dan jangan mudah putus asa.

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah pesanan seorang ibu kepada anaknya? [4 *markah*]

Bahan 1

- penuhi dada dengan ilmu pengetahuan agar tidak mudah terpengaruh dengan ledakan perubahan sosial dan globalisasi

Bahan 2

- lengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan sebagai bekalan masa hadapan
- hadapilah sebarang masalah dengan sabar dan tabah serta jangan mudah gelisah

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Novel

### NOTA EKSPRES

1. Dalam peperiksaan, soalan novel dikemukakan sebagai Soalan 8.
2. Dua pecahan soalan diberikan, iaitu:
   (a) Soalan (i)
   - Soalan berdasarkan petikan novel daripada mana-mana zon daripada tingkatan 4.
   - Jawapan bagi soalan ini boleh didapati secara langsung daripada petikan.
   - Markah yang diperuntukkan untuk soalan ini ialah 4 markah.

   (b) Soalan (ii)
   - Soalan berbentuk pemikiran kritis berdasarkan novel tingkatan 4 yang dikaji mengikut zon.
   - Murid dikehendaki supaya menjawab soalan berdasarkan mana-mana novel tersebut.
   - Markah yang diperuntukkan untuk soalan ini ialah 6 markah.
3. Murid hendaklah menulis jawapan menggunakan ayat sendiri. Ayat-ayat yang dibina hendaklah gramatis serta mematuhi tatabahasa yang betul.

### PRAKTIS 1

(i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

> "Kita sudah berusaha bersungguh-sungguh dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit itu. Sebagai seorang doktor, kau sepatutnya lebih faham tentang hal itu," pintas Dr. Uwang serius. "Dan lagi sama ada berjaya ataupun tidak sesuatu operasi, hanya Tuhan yang tahu. Hanya Tuhan yang menentukan segala-galanya."
>
> "Saya kira adalah sangat tidak wajar jika kita menyalahkan Tuhan atas perkara yang bukan-bukan, jika yang melakukan kesilapan ialah manusia itu sendiri," balas Raiha, hilang sabar.
>
> "Jadi tindakan kau menyoal aku dengan perkara yang bukan-bukan wajarlah ya?" **Tingkah** Doktor Uwang. "Tidakkah kau sedar perbuatan kau sekarang sama sahaja macam **mempertikaikan** kewibawaan aku sebagai pakar bedah?"
>
> Dipetik daripada novel 'Pantai Kasih' oleh Azmah binti Nordin, *Kementerian Pendidikan Malaysia*
>
> **GLOSARI**
> - **tingkah** – menyampuk atau memotong perkataan orang
> - **mempertikaikan** – mempersoalkan

Nyatakan perbezaan pandangan tentang sesuatu kejayaan operasi menurut pandangan Doktor Uwang dengan Doktor Raiha. [4 *markah*]

– Doktor Uwang – kejayaan sesuatu operasi bergantung kepada Tuhan – Tuhan yang menentukan kegagalan atau kejayaan sesuatu usaha

– Doktor Raiha – tidak wajar untuk menyerahkan sesuatu urusan kepada Tuhan semata-mata dan kemudian menyalahkan Tuhan atas kegagalan operasi kerana kesilapan itu dilakukan oleh manusia

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(ii) *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut*:

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
(d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan peranan-peranan yang dimainkan oleh watak sampingan dalam membantu kejayaan watak utama dalam novel tersebut.

KBAT Menganalisis [6 *markah*]

Sila rujuk bahagian jawapan

## PRAKTIS 2

(i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kalau boleh, aku ingin **melambatkan** masa yang sedang berputar ketika kami melangkah menuju ke kedai agar aku dapat terus bersama-samanya. Geetha menemaniku masuk ke Kedai Runcit Ah Kwan mencari barang yang dipesan oleh nenek. Setelah berjumpa semuanya dan aku membuat bayaran di kaunter, Geetha meminta diri, membuatkan aku berasa sedih ketika Geetha melangkah pergi menuju ke simpang jalan, ke perhentian bas. Kami berpisah di sini. Buat sementara.

Ketika melangkah ke jalan yang sama kulalui sewaktu ke kedai, sekumpulan pemuda, tiga orang berlari-lari dan dikejar oleh dua orang lelaki yang menghayun parang ke udara. Di pinggir jalan kaum ibu dan anak-anak kecil menjadi penonton kepada acara berlari-lari dan kejar-mengejar itu. Aku **melajukan** langkah tanpa ingin mengetahui perkara yang sedang berlaku di kampung ini.

Dipetik daripada novel 'Jendela Menghadap Jalan' oleh Ruhaini Matdarin, *Kementerian Pendidikan Malaysia*

**GLOSARI**

- **melambatkan** – membuat supaya lambat
- **melajukan** – menjadikan laju

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PRAKTIS SPM 4

## RUMUSAN

### NOTA EKSPRES

1. Dalam peperiksaan, soalan rumusan dikemukakan sebagai Soalan 9 dalam Kertas 2(1103/2) Bahagian C.
2. Murid akan diuji secara ujian bertulis, iaitu berbentuk subjektif respons terhad dan subjektif respons terbuka.
3. Bahan rangsangan yang dikemukakan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan daripada sumber yang berbeza tetapi mempunyai tema yang sama. Antara bahan yang dikemukakan ialah petikan, prosa, puisi, dan bahan grafik.
4. Soalan bahagian ini wajib dijawab oleh murid dalam tempoh 45 minit.
5. Rumusan yang ditulis hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.
6. Markah yang diperuntukkan bagi soalan rumusan ialah sebanyak 30 markah.

TUTORIAL

Rumusan

VIDEO

Teknik Menjawab Rumusan

**Skim Pemarkahan**

| Peringkat | Markah Isi | Markah Bahasa | Huraian Bahasa |
|---|---|---|---|
| Baik | 18 – 20<br>15 – 17 | 9 – 10<br>7 – 9 | • Kesinambungan isi baik<br>• Struktur ayat/tatabahasa baik<br>• Kosa kata luas<br>• Tanda baca/ejaan betul |
| Sederhana | 12 – 14<br>8 – 11 | 6 – 7<br>4 – 6 | • Kesinambungan isi masih baik<br>• Struktur ayat/tatabahasa masih baik<br>• Kosa kata masih memuaskan<br>• Tanda baca/ejaan juga memuaskan |
| Lemah | 1 – 7 | 1 – 4 | • Pada keseluruhannya serba kekurangan/ tidak memuaskan |

**Panduan Menjawab Soalan Rumusan**

1. Baca bahan-bahan yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti fokus soalan dengan menerbitkan kata kunci yang sesuai berdasarkan bahan.
3. Terdapat sekurang-kurangnya 2 fokus dan 2 kata kunci dalam penulisan rumusan.
4. Cari isi tersurat berdasarkan fokus.
5. Senaraikan sekurang-kurangnya 8 isi daripada semua bahan.
6. Gunakan penanda wacana untuk mewujudkan kesinambungan idea.
7. Gunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan-bahan yang dikemukakan itu.
8. Rumusan hendaklah mengandungi bahagian pendahuluan, isi-isi tersurat, dan penutup. Asingkan setiap perenggan rumusan tersebut.
9. Aplikasikan teknik menulis pendahuluan dan penutup rumusan dengan betulnya.

**Teknik Menghasilkan Pendahuluan**

**Bahan yang ada 2 fokus (Fokus yang berbeza daripada kedua-dua bahan)**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Petikan/Rumusan membincangkan | Kata kunci | Fokus B1 | dan | Kata kunci | Fokus B2 |

**Bahan yang ada 2 fokus (Fokus yang sama daripada kedua-dua bahan/Bahan 1 mengandungi 2 fokus)**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Petikan/Rumusan membincangkan | Kata kunci | Fokus B1B2 | dan | Kata kunci | Fokus B1 |

**Bahan yang ada 3 fokus**

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Petikan/Rumusan membincangkan | Kata kunci | Fokus B1 | Kata kunci | Fokus B2 | dan | Kata kunci | Fokus B3 |

**Teknik Menghasilkan Penutup**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Kesimpulannya, | Ayat Cadangan | perlu | Ayat Cadangan | agar/supaya | Ayat Harapan |



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1

*Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1 – Petikan**

Pada tahun 2019, dianggarkan hampir satu bilion penduduk dunia menghidap penyakit mental. Penyakit mental sering dikaitkan dengan stres, kebimbangan dan kemurungan, atau kegagalan seseorang mengurus diri, serta menangani **potensi** dirinya. Mental yang sihat mampu menangani stres, bekerja secara **produktif**, malah berupaya untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Kesihatan mental juga berkait rapat dengan cara seseorang itu berfikir dan bertindak balas dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Pelbagai faktor yang menyumbang peningkatan penyakit mental. Antaranya ialah kegagalan menangani masalah stres, terutama bagi pekerja yang mengutamakan kualiti kerja dan mutu produktiviti. Selain itu, masalah rumah tangga seperti penceraian dan kehilangan pekerjaan juga mengganggu kehidupan berkeluarga. Tidak dinafikan juga pandemik COVID-19 yang melanda baru-baru ini memburukkan kesihatan mental seseorang. Kematian ketua keluarga atau ahli keluarga menyebabkan seluruh ahli keluarga menjadi murung serta dirundung kesedihan. Keamanan dan kesejahteraan yang tergugat akibat peperangan juga menjadi penyebab kepada permasalahan ini. Peperangan mengundang pelbagai implikasi seperti inflasi yang memberikan kesan kepada banyak negara, terutama peningkatan kos sara hidup yang akan menjejaskan kualiti kehidupan individu atau keluarga.

Bagi menjamin kehidupan masyarakat yang lebih selesa, pelbagai kempen telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran komuniti tentang kesihatan mental. Kajian menunjukkan bahawa jika lebih banyak peruntukan diberikan kepada rakyat untuk merawat masalah penyakit mental seperti kemurungan dan kegelisahan, pasti akan memberikan pulangan yang besar kepada ekonomi negara. Hal ini dikatakan demikian kerana berlaku peningkatan dari segi tenaga kerja dan produktiviti serta penjimatan kos rawatan. Oleh itu, kerjasama secara menyeluruh perlu dilakukan bagi menangani penyakit mental agar permasalahan ini tidak terus mengekang kehidupan masyarakat yang akhirnya merugikan banyak pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Kesihatan Mental Keutamaan Sejagat", *Dewan Kosmik*, Oktober 2022

**GLOSARI**

- **potensi** – kemampuan, kebolehan
- **produktif** – berhasil



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Bahan 2 – Petikan**

## TIP PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL

- Makan makanan berkhasiat
- Kongsi perasaan dengan orang dipercayai
- Elak pengambilan rokok, dadah, dan alkohol
- Sentiasa berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan
- Lakukan aktiviti yang anda suka atau minat dan bermanfaat
- Lakukan aktiviti fizikal atau senaman, berjalan, dan beriadah

Sumber: *Kementerian Kesihatan Malaysia*



[30 *markah*]

**Pendahuluan:** Petikan membincangkan faktor-faktor penyakit mental dan langkah-langkah pencegahannya dalam kalangan masyarakat.

**Isi-isi tersurat Bahan 1: Faktor-faktor penyakit mental**

(a) Kegagalan menangani stres dalam pekerjaan

(b) Masalah rumah tangga seperti penceraian serta kehilangan pekerjaan

(c) Penularan penyakit COVID-19

(d) Kematian ketua keluarga atau ahli keluarga menyebabkan kemurungan dan kesedihan

(e) Faktor peperangan menggugat keamanan dan kesejahteraan negara – mengundang pelbagai implikasi kepada banyak negara

**Langkah-langkah mengatasi penyakit mental**

(a) Mempelbagaikan kempen kesedaran tentang kesihatan mental

(b) Lebih banyak peruntukan diberikan kepada rakyat bagi merawat penyakit mental yang dihidap

**Isi-isi tersurat Bahan 2: Langkah-langkah mengatasi penyakit mental**

(a) Elakkan pengambilan rokok, dadah, dan alkohol bagi menjamin mental yang sihat

(b) Lakukan aktiviti fizikal seperti berjalan atau bersukan dan makan makanan yang berkhasiat

(c) Sentiasa berhubung dengan rakan-rakan dan ahli keluarga bagi menghindari sebarang kesedihan dan kesunyian

(d) Makan makanan yang berkhasiat

(e) Berkongsi perasaan dengan orang yang dipercayai

(f) Lakukan aktiviti yang diminati dan bermanfaat

**Kesimpulan:**

Kesimpulannya, masalah penyakit mental perlu ditangani segera supaya setiap individu dapat menjalani kehidupan yang sempurna.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# PRAKTIS SPM 5

## LISAN

VIDEO

Contoh Ujian Lisan Bertutur Secara Berkumpulan

### Lisan Bertutur

#### NOTA EKSPRES

| | |
|---|---|
| **Soalan** | Kertas SPM 1103/3 Bahasa Melayu |
| **Kriteria** | • Bahagian A (Taksiran Individu) yang meliputi:<br>– Petikan/Bahan rangsangan<br>– Empat soalan dikemukakan secara lisan<br>• Bahagian B (Taksiran Kumpulan) yang meliputi:<br>– Satu tajuk daripada lapan tema<br>– Terdiri daripada tiga atau lima orang murid (ahli)<br>– Aktiviti perbincangan dengan setiap ahli memberikan idea dan respons |
| **Markah** | • Bahagian A (Taksiran Individu)<br>– 40 markah<br>• Bahagian B (Taksiran Kumpulan)<br>– 30 markah<br>• Jumlah markah keseluruhan – 70 markah |
| **Kaedah Penskoran** | • Individu – Secara analitik<br>• Kumpulan – Secara holistik |
| **Kemahiran yang Dinilai** | • Memahami<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis<br>• Menilai |
| **Masa** | • Bahagian A (Taksiran Individu)<br>– 3 hingga 5 minit<br>• Bahagian B (Taksiran Kumpulan)<br>– 12 hingga 15 minit |

**Panduan Menjawab Soalan Ujian Bertutur Secara Individu**

**1.** Satu petikan atau bahan rangsangan akan dikemukakan dalam ujian bertutur. Murid dikehendaki supaya membaca petikan atau bahan rangsangan tersebut dengan telitinya.

**2.** Pentaksir akan mengemukakan empat soalan daripada petikan atau bahan rangsangan tersebut. Antara soalan yang boleh dikemukakan seperti yang berikut:
   (a) Soalan pertama meminta murid memberikan gambaran tentang isu yang terdapat dalam petikan atau bahan rangsangan yang diberikan.
   (b) Soalan kedua pula meminta murid menceritakan pengalaman yang pernah ditempuhi berkaitan dengan petikan atau bahan rangsangan tersebut.
   (c) Soalan ketiga pula meminta murid memberikan pendapat tentang kebaikan atau manfaat daripada isu yang dibincangkan.
   (d) Soalan keempat pula, pentaksir akan mengemukakan satu cadangan tentang isu yang dibincangkan dan meminta murid memberikan ulasan terhadap cadangan tersebut.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN A Individu

**PRAKTIS 1** Tema: Kesihatan

ep+ NOTA VISUAL Tip Penunggang Basikal Berhemah Secara Berkumpulan

*Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*



Amalan menunggang basikal banyak manfaatnya, misalnya dapat menghilangkan stres selepas penat bekerja meningkatkan sistem imun tubuh, menguatkan otot, mengawal berat badan, dan meningkatkan aliran darah ke jantung. Namun demikian, pada masa yang sama banyak yang bimbang untuk melakukan aktiviti ini kerana risau akan risiko kemalangan. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan jalan raya di kawasan bandar yang tidak mesra basikal. Hal ini ditambah pula dengan sikap pemandu di negara ini yang sebilangan besarnya mengamalkan cara pemanduan yang membahayakan penunggang basikal.

Rakyat Malaysia tidak mengamalkan budaya berbasikal ke tempat kerja kerana jarak kediaman dengan tempat kerja agak jauh. Pada masa yang sama, negara kita juga kekurangan laluan khas kepada pengguna basikal dan parkir khas basikal yang lebih selamat. Cuaca di Malaysia yang tidak menentu turut menghalang warga kota budaya untuk berbasikal. Oleh sebab itu, rakyat Malaysia kurang gemar berbasikal.

[40 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN B Kumpulan

INFO

Tip Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Diri

### PRAKTIS 1 Tema: Kesihatan

Sejak kebelakangan ini, tahap kesihatan dalam kalangan remaja kian menurun. Terdapat remaja yang mengalami masalah obesiti dan ada juga yang mengalami penyakit diabetes. Hal ini berpunca daripada amalan gaya hidup remaja yang kurang sihat. Semakin banyak remaja yang kurang beriadah kerana sibuk dengan alat peranti. Malahan, mereka juga kerap makan makanan yang kurang berkhasiat. Perkara ini tidak boleh dibiarkan kerana remaja hari ini ialah tonggak masa hadapan negara.

Bincangkan.

[30 *markah*]

Sila rujuk bahagian jawapan.

CETUS IDEA

Permainan Tradisi

### PRAKTIS 2 Tema: Warisan Negara

Sukan rakyat seperti tarik upih, sepak raga ratus, tarik tali, dan panjat tiang licin semakin dipinggirkan oleh masyarakat kini. Hal ini satu kerugian kerana sukan rakyat merupakan warisan khazanah bangsa yang bernilai. Banyak nilai murni yang diterapkan dalam sukan rakyat ini seperti sikap bekerjasama, toleransi, dan ketekunan. Oleh itu, usaha-usaha perlu digembleng oleh semua pihak untuk menghidupkan sukan rakyat ini semula.

Ulaskan pernyataan tersebut.

[30 *markah*]

Sila rujuk bahagian jawapan.

NOTA VISUAL ePP+

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## Lisan Mendengar

### NOTA EKSPRES

| | |
|---|---|
| **Soalan** | Kertas SPM 1103/4 Bahasa Melayu |
| **Kriteria** | • Antara empat hingga enam petikan akan diperdengarkan kepada murid.<br>• Petikan tersebut boleh terdiri daripada petikan novel, cerpen, syarahan, iklan, dan puisi.<br>• Bilangan keseluruhan soalan ialah 20 hingga 25 soalan.<br>• Soalan terdiri daripada objektif dan subjektif.<br>• Jawapan berdasarkan petikan yang diberikan. |
| **Markah** | • Jumlah markah keseluruhan ialah 30 markah.<br>• Peruntukan markah bagi setiap soalan ditulis di hujung setiap soalan.<br>• Soalan objektif biasanya 1 markah.<br>• Soalan subjektif biasanya 2 markah. |
| **Kemahiran yang Dinilai** | • Memahami<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis |
| **Masa** | • Masa diperuntukkan selama 30 minit.<br>• Sebelum petikan diperdengarkan, murid diberikan masa satu minit untuk membaca soalan.<br>• Kemudian, bahan diperdengarkan kepada murid dan diikuti dengan soalan-soalan.<br>• Murid diberikan masa untuk menjawab soalan pada kertas jawapan yang disediakan.<br>• Semasa bahan diperdengarkan semula, murid diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan. |

**Panduan Menjawab Soalan**

1. Sebelum bahan audio diperdengarkan, murid mempunyai masa selama satu minit untuk membaca soalan.
2. Murid mesti membaca soalan dalam bahan tersebut dengan teliti untuk mengetahui soalan-soalan yang akan diuji.
3. Semasa bahan diperdengarkan, murid diminta supaya mendengar bahan dengan teliti untuk memahaminya.
4. Murid dinasihatkan supaya tidak menggunakan masa ini untuk menjawab soalan bagi mengelakkan fokus murid mendengar keseluruhan petikan terganggu.
5. Semasa soalan dikemukakan, barulah murid menjawab soalan-soalan tersebut.
6. Jawapan haruslah berdasarkan petikan yang diperdengarkan.
7. Semasa bahan diperdengarkan sekali lagi, murid harus menyemak jawapan semula, khususnya bagi soalan yang kurang jelas.
8. Murid diberikan masa selama 30 saat untuk menyemak jawapan.

**Kesalahan Lazim**

| | |
|---|---|
| **Fokus** | Murid tidak memberikan fokus sepenuhnya semasa bahan dan soalan diperdengarkan kepada mereka. Hal ini menyebabkan jawapan yang dipilih dan ditulis kurang tepat. |
| **Masa** | Murid tidak menguruskan masa dengan baik semasa ujian ini menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjawab semua soalan. |
| **Keliru akan Format Ujian Mendengar** | Murid tidak mengetahui cara pelaksanaan ujian mendengar. Hal ini menyebabkan mereka tergesa-gesa semasa memberikan jawapan semasa bahan diperdengarkan, walhal murid diberikan masa untuk menjawab soalan tersebut semasa soalan dikemukakan. |
| **Aspek Bahasa** | Murid menulis jawapan dengan tulisan ringkas yang tidak difahami oleh pemeriksa. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## PRAKTIS 1 Tema: Kesihatan

TRACK 7

*Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan rencana yang diperdengarkan.*

**1.** *Lengkapkan rajah yang berikut.*

**KESAN TIDAK MENGAMALKAN PEMAKANAN SEIMBANG**
→ Menghidap kanser
→ Menghidap penyakit jantung

[1 *markah*]

**2.** Amalan pemakanan seimbang dapat

(i) memastikan tumbesaran tubuh sempurna.

(ii) membekalkan vitamin-vitamin yang cukup kepada badan. [2 *markah*]

**3.** Pemakanan seimbang menetapkan kuantiti makanan yang diperlukan oleh tubuh badan manusia sekali gus mengawal obesiti seseorang. [1 *markah*]

**4.** *Tandakan (✓) atau (✗) bagi pernyataan yang berikut.*

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Vitamin dapat menjadikan tubuh kita lebih berdaya tahan. | ✓ |
| (ii) | Vitamin yang cukup dapat membantu kita mengekalkan kesihatan badan. | ✓ |
| (iii) | Vitamin membekalkan serat dan lemak kepada badan. | ✗ |

[2 *markah*]

**5.** *Bulatkan jawapan yang betul bagi* **soalan 5**.

Antara yang berikut merupakan pernyataan yang benar tentang amalan pemakanan seimbang, **kecuali**

**A** menjadikan berat badan ideal.
**(B)** mencantikkan kulit seseorang.
**C** membekalkan zat-zat yang diperlukan.
**D** dapat meningkatkan keupayaan fizikal.

[1 *markah*]

## PRAKTIS 2 Tema: Sains Fiksyen

TRACK 8

*Jawab semua soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.*

**1.** Fatin Qaisara hendak pergi ke planet Marikh. [1 *markah*]

**2.** Nyatakan perasaan Fatin Qaisara selama mengikuti latihan di Rusia.

(i) kagum

(ii) gembira

[2 *markah*]

**3.** Apakah peribahasa yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut?

duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

[2 *markah*]

Pemakanan Seimbang
NOTA VISUAL ePP+

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.